



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5579]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual:

Maksud B. 24 [Ruangan 5610]

Maksud B. 26 [Ruangan 5644]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Maksud P. 24 [Ruangan 5610]

Maksud P. 26 [Ruangan 5644]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

" Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SRI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

" Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

" Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

" Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

" Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

" Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

" Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

" Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

" Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

" Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- " Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- " Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T. P.J.K. (Besut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (BANDAU).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- " TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- " DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- " TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

- Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- " TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- " TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- " TUAN V. DAVID (Damansara).
- " TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- " DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- " TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- " DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- " TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- " DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- " TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- " TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- " TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- " DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- " TUAN LEE KAW (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- " DATO' NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- " DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- " TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 18hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

KOMPLEK GERAK TANI

1. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah Konsep Geraktani yang telah dilancarkan oleh Kerajaan tidak berapa lama dahulu telah bergerak cergas menuju matlamat meninggikan taraf hidup kaum tani dan adakah beliau sedar bahawa di setengah-setengah kawasan Konsep Geraktani tersebut tidak bergerak langsung. Sekiranya sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan Konsep ini berjalan lancar bagi memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kompleks Geraktani adalah nama baru yang telah diberikan kepada Pusat-pusat Kemajuan Peladang yang telah dibina di kawasan-kawasan Kemajuan Peladang di seluruh negara dan tiap-tiap kompleks ditempatkan pegawai-pegawai daripada Lembaga Pertubuhan Peladang untuk menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan yang diusahakan oleh jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian.

Dalam hubungan ini perkhidmatan-perkhidmatan khidmat nasihat, bantuan serta lain-lain kemudahan yang mendorong petani-petani untuk meningkatkan lagi pendapatan dan taraf hidup mereka disampaikan melalui kompleks-kompleks ini.

Pada keseluruhannya melalui penyelarasan yang telah dipergiatkan itu hasilnya menggalakkan dan telah disambut baik oleh

petani-petani. Jika ada mana-mana pusat kompleks yang mana prestasi penvelarasannya masih berkurangan akan diberbetulkan dan dipergiatkan lagi.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau dapat menerangkan untuk pengetahuan Dewan ini tentang langkah-langkah jangka panjang untuk menentukan kejayaan Konsep Geraktani dan sama ada pihak Kementerian ada satu sistem balasan (feed-back system) untuk membayangkan tentang kemajuan Konsep Geraktani ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya Konsep Geraktani tetapi seperti yang saya jawab tadi Geraktani adalah merupakan nama baru Pusat-pusat Kemajuan Peladang, bukannya satu konsep yang baru.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan Pusat-pusat Geraktani ini tidak dapat berjalan dengan sempurna oleh sebab kekurangan kakitangan dan jika Yang Berhormat Menteri sedar adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil kakitangan-kakitangan yang lebih sekurang-kurangnya kakitangan sambilan untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya di mana pusat-pusat ini telah diwujudkan hasilnya adalah menggalakkan. Barangkali ada di antaranya yang tidak lagi dapat dipergiatkan seperti yang dikehendaki dan kalau berlaku insya Allah perkara ini akan diperbetulkan.

MINYAK DIESEL—AMBIL ALIH PETRONAS

2. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat kekurangan minyak diesel di setesyen-setesyen minyak, ini menyebabkan masih terdapat kegelisahan mereka yang menggunakan minyak diesel, jika sedar, adakah beliau bercadang supaya melantik Petronas mengambil alih semua syarikat-syarikat minyak yang ada di negara ini dan dengan ini kesulitan pembelian minyak oleh rakyat dapat di atasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, pembekalan minyak diesel di seluruh Negara yang telah diperbuat melalui pasaran jualan runcit di setesyen-setesyen minyak dari bulan Januari hingga September 1980 adalah sebanyak lebih kurang 119.4 juta gelen. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak 17.5% jika dibandingkan dengan bekalan yang telah diberikan dalam jangka masa yang sama bagi tahun 1979 iaitu sebanyak 101.4 juta gelen. Daripada data di atas, adalah nyata bahawa masalah kekurangan bekalan minyak diesel di setesyen-setesyen minyak untuk kegunaan kenderaan tidak timbul pada masa ini. Aduan-aduan yang diterima mengenai kesulitan mendapatkan bekalan minyak diesel dari orang ramai boleh dikatakan tidak ada lagi dan ini menunjukkan bahawa pasaran minyak diesel di Negara adalah stabil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengekalkan keadaan seperti ini bagi kemudahan pengguna-pengguna dan untuk mencapai matlamat ini Kerajaan telah mengarahkan PETRONAS bukan sahaja mengekalkan dan meneruskan penjualan minyak diesel melalui setesyen-setesyen skid-tank mereka yang ada sekarang bahkan menambahkan penglibatan mereka dalam pasaran runcit minyak diesel dengan membuka banyak lagi setesyen-setesyen skid-tank baharu di tempat-tempat yang difikirkan sesuai di seluruh Negara dari masa ke semasa.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada 119.4 juta gelen diesel yang digunakan dalam negara ini berapa peratuskah pengeluaran diesel di negara itu berasas kepada syarikat-syarikat pengeluar.

Kedua, adakah Kementerian bercadang untuk menyerahkan pentadbiran skid-tank kepada swasta bagi memudahkan pengguna-pengguna mendapat diesel.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah yang disebutkan itu jumlah bekalan diesel yang dibekalkan oleh PETRONAS lebih kurang 8% daripada jumlah seluruh pengeluaran diesel di negara kita dan bakinya adalah dikeluarkan oleh syarikat-syarikat minyak swasta.

Mengenai soalan yang kedua tadi, saya kurang jelas. Bolehkah diulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi soalan tambahan kedua.

Tuan Awang bin Jabar: Soalan tambahan kedua, adakah Kementerian bercadang untuk menyerahkan pentadbiran skid-tank itu kepada swasta selain daripada Petronas supaya memudahkan pengguna-pengguna mendapat diesel?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, skid-tank itu sememangnya diuruskan oleh pihak Petronas pada masa sekarang. Setakat ini, belum ada dasar bagi menyerahkan urusan skid-tank kepada pihak swasta.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa sungguhpun telah disebutkan oleh beliau agak stabil harga minyak yang digunakan oleh swasta sekarang di negara kita, sama ada beliau sedar ada terdapat di mana harga di pasaran tak sama. Sungguhpun harga telah disamakan oleh Kerajaan pada satu ketika, sekarang terdapat harga di satu stesen berlain daripada satu stesen yang lain. Kalau beliau sedar, apakah tindakan yang patut diambil terhadap perkara ini dan kalau ada rayuan daripada orang ramai ataupun laboran daripada orang ramai adakah benar bahawa ini patut diambil tindakan?

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang memang ada perbezaan sedikit daripada segi harga kerana kos pengangkutan membawa diesel itu ke kawasan-kawasan yang tertentu, tetapi sekiranya perbezaan harga itu berlaku pada peringkat yang keterlaluan maka saya

rasa elok pihak Ahli Yang Berhormat atau mereka yang berkenaan melaporkan kepada Kementerian Perdagangan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Setiausaha Parlimen berkenaan menyatakan adakah Petronas mendapat keuntungan dari pemasaran minyak diesel. Jika tidak, mengapakah Petronas masih lagi membekalkan minyak diesel dan apakah langkah yang akan diambil supaya Petronas tidak akan mengalami kerugian hasil daripada pemasaran minyak diesel itu.

Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Petronas menguruskan kira-kira 20 skid-tank bagi membekalkan diesel di seluruh negara terutamanya di Semenanjung. Jadi, saya boleh katakan di sini setakat ini tidak ada kerugian dalam menguruskan skid-tank atau pembekalan diesel oleh Petronas.

BANK—PERTIKAIAN DIRUJUKKAN KE MAHKAMAH

3. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa banyak kes-kes yang melibatkan industri bank yang dirujuk kepada:

- (a) Mahkamah Perindustrian;
- (b) Mahkamah Tinggi; dan
- (c) Mahkamah Persekutuan untuk pemberian saguhati atau membatalkan saguhati pada lima tahun yang lalu dan sama ada banyak kes-kes seperti ini yang dirujuk menunjukkan bahawa pegawai-pegawai perhubungan industri bank tersebut tidak bertanggungjawab.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 5 tahun yang lepas iaitu sejak 1-10-75 hingga 30-9-80 bilangan kes-kes melibatkan industri bank yang dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan adalah seperti berikut:

- | | | |
|--------------------------|-----|------|
| (a) Mahkamah Perusahaan | ... | (20) |
| (b) Mahkamah Tinggi | ... | (3) |
| (c) Mahkamah Persekutuan | ... | (1) |

Daripada 3 kes yang dirujuk ke Mahkamah Tinggi itu, 2 keputusan Mahkamah Perusahaan telah dimansuhkan oleh Mahkamah Tinggi dan 1 lagi sedang menunggu perbicaraan. Satu kes yang dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan itu juga belum diputuskan kerana sedang menunggu perbicaraan.

Bilangan kes-kes yang dirujuk seperti tersebut di atas adalah merupakan sebahagian yang biasa sahaja dari jumlah kes-kes yang dirujuk ke Mahkamah ini bagi tempoh yang tersebut.

MONEY LENDER—KRITERIA LESEN

4. **Tuan Haji Ikhwan bin Nasir** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kriteria lesen-lesen peminjam wang "money-lender" yang terus-menerus dikeluarkan dan/atau dikedalkan di negara ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, ada dua kriteria yang digunakan pada masa ini sebelum satu-satu lesen pemberi pinjam wang itu boleh dipertimbangkan:

- (a) Menurut kehendak-kehendak Ordinan Pemberipinjam Wang 1951 iaitu:
 - (i) Permohon hendaklah pemastautin biasa (ordinary resident of the Federation) Seksyen 5 (2).
 - (ii) Perkelakuan baik—Seksyen 9 (1) (a); dan
 - (iii) Orang yang sesuai (Fit and proper person) seksyen 9 (1) (b).
- (b) Menurut kehendak-kehendak pentadbiran iaitu:
 - (i) Mengemukakan borang permohonan yang ditetapkan kepada Pejabat Penolong Pendaftar Pemberipinjam Wang, d/a Pejabat Setiausaha Kerajaan/Datuk Bandar di mana perniagaan itu hendak dijalankan. Bersama-sama dengan borang permohonan itu, pemohon hendaklah mengepilkan satu surat sokongan daripada mana-mana orang kenamaan yang kenal baik dengan beliau.

- (ii) Pemohon tidak mempunyai apa-apa rekod jenayah yang akan diminta oleh pihak Penolong Pendaftar daripada pihak polis.
- (iii) Menghadiri satu temuduga yang akan dikelolakan oleh Penolong Pendaftar.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pengetahuan umum bahawa money-lender atau Chettiar yang telah diberi peluang meneruskan lesen itu telah membuat berbagai manipulasi seperti kata pepatah: Memasang bubu ditempat yang genting, di mana akibatnya orang-orang yang menjadi mangsa telah ditindas tanpa belas ikhsan. Pertanyaan saya, yang pertama tidakkah ini bertentangan dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan kita yang hendak membantu orang-orang yang lemah yang tidak terdaya dan dalam kesulitan....

Tuan Yang di-Pertua: Soal tambahannya apa?

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Adakah ini tidak bertentangan dengan hasrat Kerajaan kita yang hendak membantu orang yang lemah, yang tidak terdaya dan dalam kesulitan. Kedua, adakah keperluan untuk mewujudkan money-lender mempunyai erti bahawa sistem banking yang ada di negara ini tidak dapat memenuhi kepentingan orang ramai atau rangkaian pajak gadai masih belum dapat memenuhi keperluan orang ramai terutama orang-orang kampung?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai bukti adanya pemberipinjam wang yang berlesen yang didapati melanggar peraturan yang ditentukan oleh Ordinan Pemberipinjaman Wang 1951 bolehlah membuat laporan kepada Kementerian.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya minta penjelasan Timbalan Menteri berkenaan iaitu bolehkah beliau menjelaskan apakah perbezaan money-lender dengan finance company oleh kerana kebanyakan money-lender itu ada meminta deposit?

Tuan Yang di-Pertua: Ini hendak bertanya Timbalan Menteri atau hendak membaca daripada undang-undang atau dokumen

yang sudah ada? Kalau mengikut Peraturan Mesyuarat tak boleh tanya perkara-perkara yang sudah ada di dalam dokumen yang mana accessible atau yang boleh dapat, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tidak.

IKLAN MINUMAN KERAS

5. Tuan Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa iklan-iklan minuman keras masih lagi terpampang di merata-rata tempat, di tepi-tepi jalan dan ditayang di panggung wayang dengan bebas. Apakah pihak Kerajaan bercadang mengharamkan iklan-iklan minuman keras agar menggambarkan Islam ugama rasmi negara ini.

Menteri Tak Berportfolio (Datuk Pengirim Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa iklan-iklan minuman keras ada dipaparkan di beberapa tempat. Soal mengharamkan sesuatu jenis iklan, termasuk iklan minuman keras, perlulah diteliti terlebih dahulu oleh pihak Kerajaan sebelum sesuatu keputusan diambil. Buat masa ini pihak Kerajaan belum lagi mengharamkan iklan-iklan minuman keras di surat-suratkhabar, panggung-panggung dan tempat-tempat awam.

Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum pengiklanan minuman keras melalui Radio dan TV Malaysia bagi semua rangkaian telah diharamkan mulai 15hb Mac, 1980 selaras dengan penguatkuasaan Kod Iklan baru Kementerian Penerangan Malaysia. Sebelum tarikh tersebut, pengiklanan minuman keras hanya dibenarkan disiarkan melalui Rangkaian Biru, Merah dan Hijau. Ini bermakna sejak mula ditubuhkan, RTM sebagai alat mass media Kerajaan tidak pernah membenarkan iklan-iklan minuman keras melalui kedua-dua Rangkaian Nasional Radio dan TV.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri adakah beliau sedar bahawa iklan minuman keras ini telah menggambarkan minuman ini merupakan satu

kesukaan anak negeri ini dan sedikit sebanyak telah menyentuh Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara kita. Jadi apakah selama ini pihak yang berkenaan telahpun mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan iklan yang boleh menyentuh kedudukan dan yang boleh merosakkan imej Ugama Islam di negara ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi di dalam TV dan radio adalah tidak dibenarkan lagi dan apa yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah menggambarkan Ugama Islam sebagai ugama rasmi negara ini. Walau bagaimanapun, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum negara kita ini terdiri dari berbagai kaum, bangsa dan ugama maka dengan itu Kerajaan haruslah berhati-hati sebelum membuat sesuatu keputusan.

Datuk Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan belum ada cadangan untuk mengharamkan iklan-iklan di papan-papan tanda. Saya ingin mendapat penjelasan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan sahaja saiz, kerana saya tengok iklan papan tanda yang ada di Malaysia ini lebih besar daripada setengah negeri-negeri yang bukan Islam. Adakah Kerajaan bercadang kurangkan sedikit saiznya? Terima kasih.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu daripada perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Parit.

BAS EKSPRESS

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak pengusaha-pengusaha bas ekspres telah mengabaikan kelesaan dan

kemudahan penumpang-penumpang dan jika ya, sama ada Kerajaan bercadang memperbaiki perkhidmatan tersebut dengan mengadakan kemudahan tandas serta hawa dingin.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar bahawa pengusaha-pengusaha bas ekspres telah mengabaikan kelesaan dan kemudahan-kemudahan penumpang-penumpang. Setakat ini yang saya tahu pengusaha bas ekspres memberi perkhidmatan yang cekap dan mendapat persaingan hebat di antara satu dengan lain. Pada keseluruhannya bas-bas ekspres mempunyai tandas, tetapi ada juga dikecualikan dari memasang tandas di mana jarak perjalanannya dalam lengkungan lebih kurang 50 batu. Daripada kajian dijalankan didapati bahawa semua bas ekspres patut benar dipasangkan dengan kemudahan ini dan telah menjadi dasar bahawa semua bas ekspres baru hendaklah mempunyai kemudahan ini. Bagi bas-bas ekspres yang lama pula yang tidak dipasang tandas pada dahulunya proses mengenakan syarat ini dikenakan semasa penggantian bas dibuat. Sungguhpun ada terdapat bas-bas ekspres yang tidak mempunyai alat hawa dingin, tetapi Kementerian saya menggalakkan pengusaha-pengusaha bas ekspres memasang alat hawa dingin. Pemasangan alat hawa dingin kepada bas ekspres akan menaikkan lagi kos pengendalian perusahaan bas ekspres.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Seow Hun Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 7.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

RUMAH AWAM KOS RENDAH

7. Tun Seow Hun Kim (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandang kepada hakikat bahawa Pulau Pinang akan menjadi pusat pembangunan untuk Wilayah Utara sama ada Kerajaan akan menimbang untuk memperuntukkan wang yang lebih untuk

pembinaan rumah-rumah berharga rendah kerana harga dan sewa rumah-rumah di Pulau Pinang adalah terlalu tinggi dan mereka yang berpendapatan rendah tidak mampu membeli atau menyewa; jika ya, beri butir-butir lanjut.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Negeri Pulau Pinang akan menjadi pusat pembangunan untuk Wilayah Utara adalah memang benar, tetapi seperti di kawasan Wilayah Utara, terdapat juga kawasan-kawasan lain di negeri kita yang mempunyai pusat pembangunannya sendiri. Oleh itu peruntukan untuk maksud perumahan awam kos rendah akan dibahagi-bahagikan di antara negeri-negeri berkenaan. Walau bagaimanapun, sayugia saya memaklumkan di sini, bahawa Kerajaan bercadang memberi lebih banyak lagi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk tujuan perumahan awam kos rendah. Oleh yang demikian, Pulau Pinang akan menerima lebih banyak lagi peruntukan dari apa yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Tujuan Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak lagi rumah-rumah awam kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat ialah supaya lebih ramai rakyat dari golongan berpendapatan rendah dapat menikmati tempat tinggal yang selesa.

Jumlah peruntukan untuk setiap negeri belum dipastikan lagi. Oleh yang demikian saya tidak dapat memberikan butir-butir lanjut mengenainya ketika ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah shortfall daripada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan prestasi atau pelaksanaan untuk rumah-rumah kos rendah.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya menjangka pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga akan banyak rumah-rumah murah yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat disempurnakan dan apabila kita melancarkan projek-projek Rancangan Malaysia Keempat, projek-projek tersebut akan dapat diteruskan dan dimulakan dengan tidak terganggu lagi.

KESESAKAN DI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN DI IPOH

8. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa hampir setiap hari Pejabat RIMV Perak penuh sesak dengan orang ramai yang memohon atau membarui lesen memandu dan untuk membarui cukai jalanraya (road tax) dan kadang kala seseorang itu terpaksa mengambil masa sehari-hari untuk mendapatkan lesen memandu dan cukai jalanraya (road tax) dibaharui sekiranya beliau sedar, apakah langkah yang dicadangkan oleh beliau untuk mengatasi masalah tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa hampir setiap hari Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak di Ipoh penuh sesak dengan orang ramai oleh sebab pada masa ini hanya ada sebuah pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan sahaja di seluruh negeri Perak. Beban kerja di pejabat tersebut telah bertambah dengan pesatnya dan ruangan pejabat yang sedia ada tidak mencukupi untuk pembukaan lebih banyak kaunter. Langkah-langkah yang sedang diambil dan akan diambil untuk masalah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kaunter-kaunter bagi membarui lesen memandu dan membayar cukai jalan adalah dilanjutkan sehingga jam 3.30 petang apabila pertengahan bulan dan awal bulan jatuh pada hari Sabtu.
- (ii) tindakan sedang berjalan untuk perkhidmatan drive-in kaunter bagi membarui lesen memandu.
- (iii) ada cadangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk membuka cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan Perak di Telok Anson dan di Taiping dan tiga buah pejabat kecil di Tapah, Lumut dan Gerik.

Adalah diharapkan dengan langkah yang sedang diambil dan yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Keempat, kesesakan yang terdapat di Jabatan Pengangkutan Jalan di Ipoh dapat dikurangkan. Buat masa ini orang ramai adalah dinasihatkan membarui lesen memandu dan cukai jalan mereka dengan lebih awal dan tidaklah menunggu sehingga saat-saat yang akhir.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah jadual pembinaan bagi Pejabat RIMV bagi Telok Anson itu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini proses land acquisition dijalankan dan pembinaan cawangan di Telok Anson dijadualkan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mahamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah jadual-jadual pembinaan Pejabat-pejabat RIMV ini bagi Taiping, Lumut, Gerik dan tiga buah lagi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, pejabat-pejabat di tempat-tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu pun akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya kesesakan di Pejabat RIMV ini bukan sahaja di Ipoh, tetapi di mana-mana sahaja didapati sesak. Oleh itu apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengurangkan kesesakan ini supaya lesen-lesen pemandu dan juga road tax boleh dibayar dengan pos.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum selain daripada projek-projek yang saya sebutkan ada juga rancangan di tempat lain untuk membuka cawangan atau pejabat kecil dan dengan pertambahan yang begitu besar pejabat-pejabat kecil atau cawangan-cawangan itu haraplah masalah yang dihadapi sekarang dapat diatasi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya saya tanya bukan minta ditambahkan itu tetapi saya tanya adakah boleh dibayar dengan kiriman pos kepada pejabat-pejabat itu dan boleh disiapkan dalam masa seminggu misalnya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat itu pun telah dikaji oleh Jabatan dan oleh kerana masalah banyak ditimbangan, ini tidaklah dianggap

sebagai satu solution yang paling sesuai dan seperti saya sebutkan tadi ada jalan lain untuk mengatasi masalah sekarang.

KERAJAAN SAMRIN (KAMPUCHEA)

9. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan India memberi sokongan penuh kepada Kerajaan Samrin (Kampuchea) jika ya, apakah pendapat Kerajaan Malaysia ataupun anggota-anggota ASEAN terhadap perkara tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa dengan ini telahpun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tanggal 22hb Oktober, 1980 dan oleh saya sendiri pada tanggal 24hb Oktober, 1980 dan saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Hoong Keat.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, soalan No. 10.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kluang.

CATUAN AIR

10. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar akan catuan air di kawasan-kawasan bandar dan desa menjadi hal yang khuatirkan orang ramai dan nyatakan punca-punca sekarang dan permintaan air bagi kegunaan domestik, pertanian dan perindustrian dan sebab-sebabnya bagi kekurangan bekalan air dan langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan bahawa bahan air akan diperbanyakkan untuk memuaskan permintaan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya soalan-soalan berhubung dengan masalah air ini telah berulang kali dikemukakan di Dewan yang mulia ini

pada persidangan-persidangan lepas. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah kekurangan air dalam bulan Februari 1980 tidak seteruk seperti mana tahun-tahun sebelum ini di mana hanya beberapa kawasan yang terlibat terutama sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Seremban, Port Dickson, Taiping dan Kedah Utara. Dengan kemajuan kerja-kerja menyiapkan projek bekalan air iaitu Skim Sungai Langat, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya sekarang mendapat bekalan air yang mencukupi. Kerja-kerja pembaikan sedang diperluaskan untuk memenuhi permin'aan air yang meningkat di kawasan Seremban, Port Dickson dan Kedah Utara. Tawaran untuk pembinaan projek bekalan air Taiping yang baru akan dibuat tidak lama lagi.

Jumlah penduduk yang dibekalkan air paip di Semenanjung Malaysia telah meningkat dari 4.5 juta orang pada tahun 1970 ke 7.28 juta pada tahun 1980. Permintaan terhadap air telah meningkat sebanyak 244% dari 70 juta gelen sehari pada tahun 1980 kepada 415 juta gelen sehari pada tahun 1980 berpunca dari 250 kerja-kerja pembaikan. Lebih kurang 20% dari jumlah permintaan adalah untuk kegunaan perindustrian.

Dengan siapnya semua projek-projek yang dilancarkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1983, keupayaan pengeluaran akan bertambah menjadi 633 juta gelen sehari dan ini mencukupi dengan permintaan yang dijangka sebanyak 537 juta gelen sehari. Kementerian saya telahpun membuat permintaan sebanyak \$1.4 billion untuk meningkatkan bekalan air di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai sumber-sumber air, Kerajaan telahpun mendapat bantuan teknikal dari Kerajaan Jepun di mana Jurutera-juruteraanya sedang menjalankan kajian mengenai punca-punca air. Kajian tersebut akan menghasilkan satu pelan induk untuk memenuhi keperluan air bagi kegunaan domestik, perindustrian, pertanian dan kuasa hydro. Peringkat pertama Kerajaan ini sudah selesai dan peringkat kedua sedang dijalankan. Kajian tersebut akan siap pada tahun 1981 dan berdasarkan pelan induk itu pembinaan ampangan yang pelbagaiguna mungkin akan dicadangkan.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan kerisauannya kerana selalu

sangat soalan mengenai air berulang kali dibangkitkan di dalam Parlimen. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tersebut apakah yang telah dilakukan terhadap kawasan-kawasan bukan sahaja catuan air telah dibuat tetapi ada kawasan yang ada paip tetapi tidak ada air seperti yang berlaku di kawasan Parlimen Batu Pahat dan Semerah?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah lain daripada soalan asal. Walau bagaimanapun, untuk faedah Ahli Yang Berhormat itu saya suka memberi sedikit keterangan di kawasan-kawasan yang mana kita telah ada rancangan-rancangan air tetapi tidak dapat membekalkan air sebab kemajuan di kawasan itu telah menjadi lebih daripada apa yang kita menganggarkan.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat ada masalah-masalah air di Batu Pahat, saya harap Yang Berhormat timbulkan perkara itu kepada saya dan saya akan ambil tindakan.

Dato' Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bila catuan air dibuat di mana-mana kawasan biasanya pengguna-pengguna dalam bandar diberitahu bahawa pada sekian-sekian masa air tidak ada, tetapi orang-orang di luar bandar tidak diberitahu. Sebab itu bila buka kepala paip—air tidak keluar, pulas macam mana pun air tidak keluar, hanya keluar angin. Jadi apakah langkah Menteri untuk mengarahkan pihak JKR di mana kawasan yang terlibat dengan catuan hendaklah seluruh pengguna diberitahu sebab kita ada mass-media seperti radio, suratkhbar dan sebagainya.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di banyak kawasan-kawasan luar bandar tekanan air tidak mencukupi sebab itu Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menggunakan booster pump di tiap-tiap kawasan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri mungkin maklum soalnya bukan soal peruntukan kewangan tetapi adalah masalah tidak dapat menjalankan projek-projek air itu mengikut jadual. Oleh sebab itu adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggunakan air di bawah tanah yang mana

telahpun dibuktikan boleh dibekalkan orang ramai dengan cara yang lebih cepat, lebih murah dan sebagaimana juga telah digunakan di banyak negara-negara maju.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa sesuai mengikut taraf kesihatan. Itu yang pertama. Yang kedua, dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian kami memohon untuk mendapat satu peruntukan yang terbesar tetapi akhirnya kita tidak dapat peruntukan yang dimohon itu. Kali ini kita mohon \$1.4 billion dan saya suka memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap kita boleh dapat kelulusan dan apabila kita telah dapat kelulusan atas \$1.4 billion itu kita boleh menjalankan semua projek yang ada dalam Kementerian saya.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Speaker, soalan tambahan. Dari segi jawapan Yang Berhormat Menteri yang terakhir tadi nampak sangat bahawa wang adalah satu kriteria sahaja tetapi adakah Yang Berhormat itu sedar bahawa dalam apa jua jentera Kerajaan memang ada selain daripada kekurangan wang, terdapat masalah-masalah yang lain dari segi physical constraint, manpower dan lain-lain. Sama ada permintaan Yang Berhormat itu dari segi mendapatkan wang yang cukup akan membawa penyelesaian kepada semua masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri kalau mendapat \$1.4 billion itu semua projek dalam Kementeriannya selesai! (Ketawa). Ada tambahan lagi?

Dato' S. Samy Vellu: Senerti apa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Sava hanya mengulang apa Yang Berhormat jawab tadi! (Ketawa).

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai kenyataannya baru sebentar tadi mengatakan bahawa bekalan punca air di bawah tanah itu tidak sesuai sedangkan apa yang diterangkan kepada kita oleh pihak Kementerian Kesihatan adalah sebaliknya bahawa punca air di bawah tanah itu adalah lebih baik untuk minuman oleh manusia. Mana satu yang betul?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku di kawasan-kawasan luar bandar sekarang iaitu rancangan bekalan air ini ialah satu rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan itu atau projek Kementerian Kesihatan tetapi Jabatan Kerajaan atau Kementerian saya tidak ada apa-apa pengalaman dalam hal ini, sebab kita tidak menjalankan projek itu.

Tuan Yang di-Pertua: Pada hemat saya di Perlis ada air dalam tanah. Dan kedua-dua Ahli-ahli Parlimen dari Perlis ada hadir di tiap-tiap kali persidangan di sini. Itu menunjukkan kesihatannya baik. Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yang Berhormat Menteri tadi menyebut bahawa air di bawah tanah tidak sesuai. Soalan saya adakah beliau bercadang untuk mengarahkan pegawai-pegawai di bawah Kementeriannya supaya menjalankan usaha untuk menggantikan projek-projek di mana punca-punca air di bawah tanah ini digunakan dengan mencari punca-punca air yang lain.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sejarah dan selepas kemerdekaan negara kita sampai sekarang lebih kurang 23 tahun walaupun kita ada juga peruntukan wang yang banyak bagi menjalankan kerja kerja bekalan air di seluruh tanah air, tetapi saya boleh menjelaskan sedikit di sini, kita ada satu rancangan yang comprehensive. Inilah kali yang pertama negara kita akan menjalankan satu rancangan yang comprehensive yang mana kita juga boleh memberi bekalan air ke semua kawasan-kawasan di seluruh tanah air kita. Kita itu juga mendapat perolongan daripada Kerajaan Jepun untuk mengkaji macam mana kita boleh menyelesaikan masalah air yang ada di tanah air kita. Ini bagi menjawab pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi bahawa kumpulan daripada Kerajaan Negeri Jepun ini telah menjalankan satu kajian. Apabila kajian ini telah siap dalam tahun 1981, saya harap semua Ahli Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalahnya di tiap-tiap kawasan Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, cukuplah masalah air itu. Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmood.

KONSEP ZOPFAN

11. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada konsep Tenggara Asia sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) yang diperjuangkan oleh Malaysia kini sudah diterima umum di dunia, baik pihak Barat, Timur ataupun dunia ketiga. Kalau ya apakah bukti-bukti yang dapat diterima sebagai menyatakan sikap yang tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa konsep ZOPFAN yang diperjuangkan oleh Malaysia semenjak Deklarasi Kuala Lumpur pada 21hb November, 1971 hingga sekarang telah dapat diterima oleh kebanyakan negara di dunia ini. Ini dapat dibuktikan seperti berikut:

(a) Di persidangan Ketua-ketua Negara Komenwel di Lusaka pada 1hb-8hb Ogos, 1979, mereka telah melahirkan sokongan tentang usaha negara ASEAN mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara dan menyeru semua negara-negara memberikan sokongan sepenuhnya terhadap usaha-usaha ini.

(b) Di Persidangan Keenam Ketua-ketua Negara-negara Berkecuali di Havana, Cuba pada 3hb-9hb September, 1979, mereka telah menyuarakan harapan tentang keinginan negara-negara di rantau Asia Tenggara mencari keamanan dan kestabilan, akan hanya dapat diwujudkan atas dasar-dasar berkecuali iaitu dengan menghormati kedaulatan, kemerdekaan, keutuhan wilayah, tidak campurtangan dalam hal ehwal sesuatu negeri lain, tidak menggunakan kekuatan tentera dan tidak berlaku agresif terhadap negara-negara lain. Mereka selanjutnya melahirkan harapan agar negara ASEAN akan melanjutkan usaha bersama mereka kepada penubuhan ZOPFAN di Asia Tenggara.

(c) Melalui "Kenyataan Bersama ASEAN-EEC Mengenai Isu Politik" pada 7hb Mac 1980 negara-negara EEC telah melahirkan perasaan puas hati terhadap usaha negara-negara ASEAN menubuhkan kawasan "ZOPFAN" sebagai sumbangan yang positif.

(d) Semasa lawatan saya ke Hanoi pada awal tahun ini Vietnam telah mengisytiharkan sokongan kepada Deklarasi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Declaration) sebagai asas untuk perbincangan tentang keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara.

(e) Bagi negeri China telah beberapa kali melahirkan sokongan terhadap konsep ZOPFAN ini. Oleh itu dapat kita katakan bahawa sebahagian besar negara-negara di dunia ini sama ada negara barat, timur dan dunia ketiga telah melahirkan sokongan atau memahami tentang pentingnya konsep ini bagi mewujudkan kawasan aman dan stabil. Malaysia akan tetap bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain berusaha bagi mewujudkan konsep ini menjadi kenyataan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri maklum apabila kita menyebut soal ZOPFAN ini timbul juga soal SEATO dan juga penyusunan pertahanan lima negara. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membawa perbincangan di kalangan negara-negara ASEAN supaya Thailand dan Filipina keluar daripada SEATO oleh sebab Persatuan ini telahpun terkubur dengan cara tidak rasmi dan begitu juga Singapura dan Malaysia keluar daripada penyusunan pertahanan 5 negara supaya soal ZOPFAN ini dapat diterima dengan cara terang-terang oleh seluruh dunia.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan SEATO dan juga Five-Power Defence Arrangement ini telahpun dibincangkan oleh negara-negara yang berkenaan sepertimana yang telah disebut sering kali tentang keadaan yang akan menghalang kenyataan kepada wujudnya kawasan aman, bebas dan berkecuali iaitu ZOPFAN ini, apabila keadaan "the phasing out" dibuat dan "the phasing in" ini diadakan bersama dengan keadaan itu. Dan bersabit dengan itu, saya rasa dan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kenyataan-kenyataan oleh negara Thailand dan Filipina bersabit dengan SEATO ini telahpun dibuat oleh pihak negara-negara yang berkenaan iaitu Thailand dan Filipina dan bersabit dengan Five-Power Defence Arrangement ini, saya telahpun menerangkan sering kali di

Dewan yang mulia ini sepertimana saya sebutkan dahulu, arrangement, iaitu peraturan ini bukanlah satu pakatan (pact) pertahanan ataupun satu perjanjian ketenteraan yang boleh menghalang wujudnya ZOPFAN ini. Hanya satu peraturan politik untuk membincangkan satu-satu masalah jikalau satu masalah ini timbul di negara-negara yang berkenaan iaitu lima buah negara yang menjadi ahli yang menandatangani kepada Five-Power Defence Arrangement ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah dengan adanya pengkalan-pengkalan tentera Amerika di Filipina dan juga dengan adanya kapal terbang tentera udara Australia di Butterworth maka Malaysia dan Filipina boleh dianggap sebagai negara-negara yang berkecuali?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bersabit dengan squadron tentera udara Australia di Butterworth, kita anggap ini ialah satu daripada perkara yang diadakan atas perjanjian "Five-Power Defence Arrangement" dan ini tidak dianggap satu base yang melanggar daripada konsep ZOPFAN.

Bersabit dengan base ataupun pengkalan yang ada di Filipina, sepertimana yang saya sebutkan tadi kenyataan wujudnya ZOPFAN iaitu kawasan aman, bebas dan berkecuali ini akan hanya wujud atas "phasing out" perkara-perkara yang akan boleh menjadi "phasing in" konsep ZOPFAN ini. Ini adalah mengikut masa dan keadaan. Kita berharap satu masa konsep ZOPFAN ini akan menjadi kenyataan yang sebenar untuk menjaga keamanan dan kesetabilan di rantau Asia Tenggara ini.

Tuan Patrick Anek Uren: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ZOPFAN ini apabila base-base tentera-tentera asing terkeluarnya daripada lima negara iaitu Malaysia ataupun Filipina barulah ada penerimaan (recognition) daripada negara-negara luar bahawa ZOPFAN itu menjadi kenyataan. Adakah ini bererti bahawa bila negara kita tidak mempunyai kekuatan dan kawasan ini tidak lagi mempunyai tenaga dan kemampuannya sendiri untuk menahan kawasannya

sendiri bahawa itu akan menunjukkan kelemahan. Apabila ada kelemahan bukankah itu akan membawa konsep ZOPFAN ini tidak akan diterima. Sebaliknya adakah benar kalau kita hendak diterima sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali sepatutnya kita pun menambah kemampuan kita untuk menjaga kawasan ini supaya kawasan ini dijauhi oleh musuh-musuh yang ingin membawa keburukan kepada kawasan ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, konsep ZOPFAN ini adalah mencandangkan supaya kuasa-kuasa besar tidak mencampuri di dalam hal ehwal kawasan-kawasan di rantau ini. Sepertimana saya jelaskan dengan wujudnya ZOPFAN ini kemungkinannya ialah tidak menjadi ancaman kepada kestabilan dan keamanan negara-negara di rantau Asia Tenggara ini. Sebab itulah salah satu daripada cara-cara yang mewujudkan konsep ZOPFAN ini pengkalan-pengkalan tentera yang disifatkan boleh menjadi ancaman kepada keselamatan rantau ini, perlu dikeluarkan daripada kawasan Asia Tenggara ini. Tetapi dengan wujudnya ini, ada juga diharapkan ketuhan (resilience) tiap-tiap satu negara akan wujud. Dan apabila wujud ketuhan di tiap-tiap satu wilayah ataupun negara di Asia Tenggara ini dapatlah wujud juga ketuhan ataupun ketahanan (resilience) tiap-tiap negara di rantau Asia Tenggara ini. Dengan itu saya rasa konsep ZOPFAN ini boleh menjamin keamanan dan kestabilan dan tidak melemahkan dari segi ketenteraan dan menjamin kepada berkekalannya keamanan dan kestabilan negara-negara yang ada di Asia Tenggara ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan awal sekejap tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan salah satu bukti ialah sokongan Vietnam semasa beliau melawat Vietnam awal tahun ini. Soalan saya, memandangkan bahawa ZOPFAN ini adalah memerlukan tujuan kestabilan politik di dalam negara-negara ASEAN termasuk Thailand, apakah sokongan Thailand ini dapat diterima dengan begitu sahaja memandangkan perkara-perkara yang sering berlaku di sempadan di antara Thailand dengan Kampuchea di mana di belakang Kampuchea ini ialah Vietnam.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Betullah sepertimana saya sebutkan tadi, inilah yang pertama kali yang disebutkan oleh Vietnam menerima konsep ZOPFAN sebagai asas untuk mengujudkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara ini. Saya rasa apa yang berlaku di sempadan Kam-puchea dan Thailand adalah sesuai dan dengan penerimaan konsep ZOPFAN ini kita dapat menyelesaikan jikalau pihak negara-negara di rantau Asia Tenggara ini benar-benar ingin mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN). Kita harap dengan adanya keinginan tiap-tiap negara konsep ZOPFAN ini akan menjadi kenyataan yang sebenarnya pada masa yang akan datang. Saya rasa jikalau kita betul-betul dapat menerima ini, situasi yang ada di sempadan itu dapat juga diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Patto.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

RANCANGAN SKIM PINJAMAN PERUMAHAN

12. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak wang daripada wang Pusingan \$10 juta yang telah dikeluarkan sebagai pinjaman untuk membina rumah kepada mereka yang berpendapatan rendah sehingga 31-10-80 dan berapa ramai orang yang telah diberi pinjaman dengan memberi angka-angka pecahan mengikut kaum;
- (b) kawasan-kawasan dari mana orang-orang yang berpendapatan rendah boleh memohon pinjaman itu dan apakah syarat-syarat yang dikehendaki dipenuhi sebelum satu-satu permohonan itu dapat ditimbang oleh Kementerian beliau; dan
- (c) bagaimana cara-cara kutipan balik pinjaman ini dibuat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sehingga 31-10-80 seramai 610 orang telah diluluskan pinjaman kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk membina rumah yang menanggung pembayaran sebanyak \$3,924,600. Daripada jumlah wang ini sebanyak \$1,347,875 telah dikeluarkan. Rancangan skim Pinjaman Perumahan bagi Golongan Berpendapatan Rendah adalah untuk semua warganegara yang layak tanpa mengira kaum atau keturunan. Oleh hal yang demikian, Kementerian saya tidak menyimpan rekod peminjam mengikut kaum tetapi mengikut Skim yang terbahagi kepada empat (4) iaitu:

Skim A — bagi pekerja-pekerja yang tinggal dan mempunyai tanah di persekitaran sesuatu eslet perindustrian atau tinggal dan mempunyai tanah berhampiran dengan kawasan-kawasan punca-punca pendapatan;

Skim B — bagi penduduk-penduduk Kampung Baru yang ada tanah;

Skim C — bagi pekerja-pekerja estet dan lombong yang ada tanah berdekatan dengan tempat pekerjaan mereka;

Skim D — bagi setinggan-setinggan yang terlibat dalam kawasan-kawasan yang akan dijalankan projek-projek Kerajaan dan mereka diberi tapak perumahan yang baru.

- (b) jawapan kepada soalan berhubung dengan kawasan-kawasan dari mana orang-orang yang berpendapatan rendah boleh memohon pinjaman telah saya beri dalam penjelasan semasa menjawab soalan (a), iaitu kawasan-kawasan tersebut adalah mengikut mana-mana skim yang sesuai. Syarat-syarat bagi melayakkan seseorang pemohon dipertimbangkan termasuklah:
 - (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) Bukan Kakitangan Kerajaan, Badan Berkanun atau Majlis Tempatan yang layak mendapat pinjaman dari Kerajaan;
 - (iii) Umur tidak melebihi 45 tahun;

- (iv) Pendapatan pemohon tidak melebihi \$350 sebulan. Pendapatan-pendapatan yang lebih dari \$350 sehingga \$700 bergantung atas bilangan tanggungan;
 - (v) Mempunyai sekeping tanah sendiri yang terdiri dari geran kekal, atau Hakmilik Sementara ataupun tanah kepunyaan orang lain yang memberi kebenaran untuk dijadikan tapak atau cagarlan atau kedua-dua sekali;
 - (vi) Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang tidak mempunyai rumah sendiri atau yang mempunyai tanggungan banyak.
- (c) Cara-cara kutipan balik pinjaman mengikut amalan sekarang ialah peminjam boleh membayar secara persendirian melalui perkhidmatan pos atau ia boleh datang sendiri ke pejabat untuk membayar. Bagi pemohon yang bermajikan, jikalau dipersetujui oleh majikan bayaran boleh dibuat melalui potongan gaji.

Datuk Lee Boon Peng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu ada tempat yang sesuai; bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan nama kawasan-kawasan yang sesuai.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, semua kawasan sesuai sekiranya ia tertakluk di bawah nama-nama satu skim yang saya sebutkan tadi. Umpamanya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ulangan kembali. Skim 'A' ialah bagi pekerja-pekerja yang tinggal dan mempunyai tanah di persekitaran sesuatu estet perindustrian atau tinggal dan mempunyai tanah berhampiran dengan kawasan punca-punca pendapatan. Jadi istilah kawasan estet perindustrian atau kawasan yang menjadi punca pendapatan ini luas ertinya tertakluklah kepada tafsiran kes-kes permohonan tertentu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa skim memberi pinjaman untuk membina rumah sendiri ini boleh dikatakan tidak diketahui oleh kebanyakan penduduk

luar bandar. Mereka itu mempunyai tanah tetapi tidak tahu skim ini ada dan bagaimana untuk mendapatkan pinjaman ini.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan. Jika tanah ini dipunyai oleh koperasi yang ramai ahlinya; katalah 100 orang, adakah ahli-ahli ini berhak mendapat pinjaman ini untuk membina rumah mereka di atas tanah koperasi.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan Yang Berhormat itu, jawapannya mungkin betul, masih ramai penduduk-penduduk luar bandar tidak lagi mengetahui tentang adanya skim pinjaman perumahan untuk golongan pendapatan rendah ini dan skim ini ialah suatu skim yang sangat memberi faedah bagi mereka membina rumah sendiri di atas tanah yang sedia ada dan pada masa ini publicity yang meluas telahpun mula diberi kepada skim ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, bagaimana syarat yang saya sebutkan tadi, tanah kepunyaan orang lain pun boleh digunakan asalkan mendapat persetujuan daripada tuan punya tanah yang asal dan tanah itu mestilah bergeran kekal atau mempunyai kenyataan hakmilik sementara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

(Soalan No. 13 Y.B. Tuan Ismail bin Said tidak hadir)

PENGELUARAN PASPORT MALAYSIA

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa orang-orang di bawah 15 tahun tidak boleh memohon dan mendapat pasport sendiri untuk melancung ke luar negeri.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Pengeluaran pasport Malaysia tidak terhad kepada rakyat Malaysia berumur yang 15 tahun ke atas sahaja tetapi sebagai langkah mengelakkan lebih banyak berlaku kes pasport hilang maka diadakan peraturan agar anak-anak yang di bawah umur 15 tahun dimasukkan ke dalam

pasport ibu atau bapanya dan tidak dia dikeluarkan secara berasingan. Dalam kebanyakan hal dijangkakan anak-anak diiringi oleh ibubapanya keluar negeri seperti untuk melancung. Walaupun demikian, Kerajaan tetap menimbangkan permohonan dari golongan ini secara individu berdasarkan keperluan seperti melanjutkan pelajaran ataupun melancung atau apa-apa sahaja sebab lain yang menasabah. Sebagai contoh daripada 543,487 pasport yang telah dikeluarkan dari tahun 1978 hingga Mei 1980, 27,479 telah dikeluarkan kepada budak-budak di bawah 15 tahun.

PILIHANRAYA BEBAS BAGI KAMPUCHEA

15. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada negara kita khususnya dan ASEAN pada umumnya bersejua dengan cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Australia dan Perdana Menteri Singapura bahawa patut diadakan pemilihan di bawah arahan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Kerajaan Kampuchea yang merdeka untuk menyelesaikan masalah Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mengadakan pilihanraya bebas di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan itu sebenarnya bukanlah hanya pendapat Australia atau Singapura sahaja malah ianya merupakan salah satu daripada intisari resolusi yang telahpun diterima oleh Perhimpunan Agong PBB pada 22hb Oktober, 1980 yang lalu. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sukaah saya tegaskan di sini bahawa resolusi yang diluluskan oleh PBB itu adalah dikemukakan oleh 30 buah negara termasuklah kelima-lima buah negara ASEAN dan Australia sendiri dan pada pokoknya resolusi itu menggesa diadakan Persidangan Antara Bangsa bagi mencari penyelesaian yang berkekalan bagi masalah Kampuchea melalui lunas-lunas politik yang selaras dengan prinsip-prinsip piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Sebagai kesimpulan bagi jawapan saya ini, sukaah saya tegaskan sekali lagi bahawa setiap usaha mencari penyelesaian yang berkekalan bagi masalah Kampuchea setakat ini adalah atas dayausaha bersama negara-negara ASEAN dan negara-negara sahabat ASEAN yang bersependapat

dengan kita. Ini bermakna usaha itu bukanlah merupakan usaha sesebuah negara tertentu sahaja malah lebih merupakan usaha sama negara-negara Anggota ASEAN dan sahabat-sahabatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 dan No. 16 hingga 20 adalah diberi dibawah ini.)

HOSPITAL DAERAH KEMAMAN

13. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bahawa Hospital Daerah Kemaman hari ini mempunyai kelengkapan-kelengkapan dan kemudahan-kemudahan rawatan yang tidak mencukupi, oleh kerana memandangkan Kemaman dijangka pesat membangun di satu hari nanti dan oleh kerana tapak untuk membesarkan bangunan hospital itu telahpun selesai diambil balik, apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyejgerakan cadangan menambah bangunan Hospital Daerah Kemaman yang pernah dijanjikan tidak lama dahulu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan untuk mengambil balik sebidang tanah sebagai tapak tambahan untuk Hospital Daerah Kemaman telah diluluskan. Tindakan mengambil balik sebidang tanah yang berhampiran seluas lebih kurang 2,977 ekar hampir selesai.

Untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan di Hospital itu beberapa projek akan dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk pertimbangan Kerajaan.

PERMOHONAN WARGANEGARA DI SABAH

16. Tuan Hiew Nyuk Yin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan setakat manakah permohonan untuk pendaftaran kewarganegaraan dari pemohon-pemohon di Sabah masih lagi tidak dipenuhi, dan terdapat berbagai aduan bahawa permohonan untuk pendaftaran warganegara yang dihantar beberapa tahun tanpa dijawab.

Tuan Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dari Sabah sehingga bulan September 1980 ialah sebanyak 46,864 permohonan. Dari jumlah tersebut sebanyak 43,205 permohonan telahpun selesai diambil tindakan, dan jumlah yang masih didalam proses pertimbangan ialah sebanyak 3,659 permohonan iaitu bersamaan dengan 7.9%.

Kerajaan tidaklah boleh dengan sewenang-wenangnya memberi kerakyatan kepada pemohon-pemohon melainkan setelah penelitian yang sehalus-halusnya dilakukan terhadap sesuatu permohonan sebelum keputusan dibuat. Masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan tidak lebih dari tempoh yang diperlukan.

LAPANGAN TERBANG DI PANTAI TIMUR

17. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak menaikkan salah sebuah dari lapangan terbang di Pantai Timur Malaysia Barat yang ada sekarang kepada taraf lapangan terbang antarabangsa memandangkan bertambah pentingnya kawasan tersebut sebagai Pusat Perdagangan. Jika ya, bilakah rancangan itu akan dilaksanakan. Jika tidak, mengapa.

Dr Goh Cheng Teik: Kerajaan mempunyai rancangan untuk menaikkan taraf Lapangan terbang Kota Bharu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Landasan kapal terbang sepanjang 11,000 kaki akan disediakan bersama-sama dengan Kompleks Terminal & Kargo yang baru. Selain daripada itu Lapangan terbang Kuala Trengganu juga akan dinaikkan taraf. Bangunan Terminal yang baru untuk lapangan terbang tersebut sedang dibina dan dijangka siap pada bulan Mac, 1981. Landasan terbang tersebut akan dipanjang untuk membolehkan kapal terbang Jet mendarat. Lapangan terbang Kuantan juga yang mempunyai keupayaan untuk menerima kapal terbang-kapal terbang Jet telah dipasang dengan lampu-lampu landasan untuk membolehkan pengendalian penerbangan di waktu malam. Kerja-kerja juga sedang dijalankan untuk membesarkan Bangunan Terminal dan dijangka siap pada akhir tahun 1981.

RANCANGAN PEMBANGUNAN MENGIKUT KAUM

18. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan angka pecahan tahunan mengenai perbelanjaan bagi rancangan pembangunan untuk Bumiputra dan bukan Bumiputra bagi tahun 1976, 1977, 1978 dan 1979 untuk perkara-perkara yang berikut:

- (a) bekalan air;
- (b) bekalan elektrik;
- (c) jalan dan longkang;
- (d) pembinaan pusat kesihatan/klinik;
- (e) surau-surau;
- (f) masjid-masjid.

dan menyatakan hasil-hasil yang telah dipungut daripada air dan elektrik dalam seluruh negara bagi tahun 1976, 1977, 1978 dan 1979.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Rancangan-rancangan Pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk faedah semua rakyat jelata tidak kira sama ada untuk bumiputra ataupun bukan bumiputra. Oleh hal yang demikian, adalah menjadi sa'u perkara mustahil bagi Kerajaan menyimpan rekod mengenai perbelanjaan bagi rancangan-rancangan pembangunan tersebut mengikut kaum seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Mengenai hasil-hasil daripada air dan elektrik yang dipungut bagi tahun-tahun 1976 hingga 1979, Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab mengutip hasil daripada elektrik oleh kerana pungutan hasil daripada air adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Hasil-hasil yang telah dipungut daripada elektrik bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

1976	\$487.9 juta
1977	\$566.1 juta
1978	\$643.4 juta
1979	\$821.6 juta

TARIAN SINGA/SILAT CINA/SILAT INDIA DIKTIRAF SEBAGAI KEBUDAYAAN MALAYSIA

19. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memberi

pengiktirafan yang benar dan kedudukan yang wajar kepada Tarian Tradisi Singa dan seni silat Cina, begitu juga seni silat India, dalam negara pelbagai kaum dan budaya seperti negara kita, supaya akhirnya akan diterima sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Dalam usaha-usaha ke arah pembentukan kebudayaan kebangsaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah memberi tumpuan kepada ciri-ciri kebudayaan rakyat asal rantau ini sebagai teras pembangunannya. Nilai-nilai kebudayaan yang lahir di luar dari rantau ini dan yang menjadi ciri kepada pengenalan suatu kaum sahaja tidaklah dapat dijadikan teras pembangunan kebudayaan kebangsaan, kecuali apabila nilai-nilai ini dapat diubahsuaikan sehingga nilainya wajar dikongsi dan diterima oleh semua masyarakat di Malaysia ini.

Perkara-perkara yang dibangkitkan dalam soalan ini masih lagi merupakan amalan kesukuan. Walau bagaimanapun, mungkin pada satu masa yang akan datang ianya akan diterima dan diamalkan oleh semua masyarakat di Malaysia dan lama kelamaan akan menjadi sebahagian daripada kebudayaan kita.

MARA—BANTUAN KEPADA INDUSTRI KECIL BUMIPUTRA

20. Tuan Haji Ikhwan bin Nasir minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan nama-nama industri kecil yang dipunyai oleh bumiputra yang telah dapat dijayakan menerusi sokongan dan bantuan MARA.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Nama-nama industri kecil bumiputra yang telah dapat dijayakan dengan bantuan MARA adalah seperti berikut:

(i) Pembuatan	1,549
(ii) Pembinaan	3,473
(iii) Pengangkutan	826
(iv) Perkhidmatan	1,212
(v) Perdagangan	8,830
(vi) Kulitkraft	8
(vii) Roti/Biskut/Mee	25

(viii) Perusahaan Berasas Kayu	14
(ix) Perusahaan mengenai saluran pasaran barang-barang pengeluaran bumiputra	11
(x) Perusahaan Batek	200

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kelima)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Maksud B. 24 (Jadual)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Majlis sedang membahas dan menimbangankan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan iaitu Kepala Bekalan B. 24, Kepala Pembangunan P. 24 dan saya telah umumkan semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang hari ini. Ada dua orang Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli yang baharu sahaja bercakap pada petang semalam iaitu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, kemudian daripada itu Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dan kiranya ada masa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bercakap sebelum pukul 4.30 petang. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah menyambung ucapannya.

Perbahasan disambung semula.

3.48 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh yakni selepas

perkara yang pertama mengenai lalu-lintas sedikit yang telah saya sentuh semalam ialah mengenai bangunan-bangunan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan kenyataan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dalam liputan akhbar dalam tiga empat hari lepas mengatakan bahawa bangunan-bangunan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan akan mengambil bentuk Malaysian ataupun bentuk Malaysia, sama ada apa yang dimaksudkan Malaysia itu adakah yang berasal daripada Negeri Sembilan ataupun Sarawak ataupun Sabah ataupun lain-lain negeri belum saya pastikan. Walau bagaimanapun, saya mengalu-alukan bahawa setiap pelan bangunan yang hendak diluluskan oleh pihak Dewan Bandaraya yang hendak mendirikan bangunan di Kuala Lumpur hendaklah mempunyai unsur-unsur Malaysia yang menunjukkan keadaan penduduk dan kebudayaan negara kita sendiri.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam masalah bangunan ini kita dapati sekali sekala kedatangan bangunan-bangunan yang mungkin didirikan oleh pihak swasta tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang sesuai atau jangka masa yang sepatutnya. Misalnya, sebuah bangunan di depan Hotel Hilton Kuala Lumpur kalau tidak silap saya bangunan ini telah beberapa tahun terbengkalai.

Alangkah tidak eloknya, Tuan Pengerusi, sebuah bangunan dalam keadaan begitu rupa dibenarkan wujud di depan sebuah hotel terkemuka yang menjadi sanjungan atau kunjungan para pelawat daripada luar negeri saban hari ke negara ini. Melalui Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan dan mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan supaya membuat sesuatu kepada bangunan yang terlantar ini.

Seterusnya kita juga mengharapkan bahawa dalam mengindahkan bangunan-bangunan, sama ada untuk dijadikan restoran-restoran ataupun terutama sekali untuk dijadikan pejabat swasta maka hendaklah ianya mengambil warna atau bentuk ala Malaysia. Kadang-kadang kita dapati beberapa tempat di Kuala Lumpur ini restoran-restoran ataupun bangunan-bangunan yang tertentu lebih merupakan ala Hong Kong daripada ala Malaysia. Ini adalah satu perkara yang patut disesuaikan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, telah banyak diperkatakan masalah bangunan-bangunan tinggi dan keselamatan dari segi kebakaran. Saya ingin mencadangkan supaya kalau pihak Kementerian Wilayah Persekutuan belum lagi mempunyai cadangan untuk menentukan setiap bangunan tinggi mempunyai helipad di mana helikopter dapat mendarat maka ianya hendaklah menjadi satu dasar supaya setiap bangunan tinggi sekurang-kurangnya ketinggian itu sehingga tidak dapat dijangkau oleh alat-alat bomba yang kedapatan pada hari ini. Begitu jugalah bagi bangunan-bangunan yang sedia wujud tetapi belum lagi mempunyai helipad maka hendaklah pihak Kementerian ini dengan kerjasama Dewan Bandaraya memperuntukkan supaya setiap bangunan ini hendaklah diperengkapkan dengan helipad. Sudah tentu sedikit sebanyak kerumitan akan dirasai oleh tuanpunya-tuanpunya bangunan tersebut, walau bagaimanapun demi untuk menjaga nyawa dan harta benda yang mungkin akan menimpa penghuni-penghuni ataupun orang-orang yang menggunakan bangunan-bangunan tersebut apalah salahnya sedikit pelan diperbaiki dan sedikit perubahan dibuat kepada bangunan-bangunan yang tinggi yang belum lagi mempunyai helipad sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, di dalam Maksud B. 24, juga Butiran 1100, Program (1) (b) Perancangan dan Penyelidikan. Saya mencadangkan supaya pihak Perancangan dan Penyelidikan Kementerian ini hendaklah menentukan bahawa setiap jalanraya baru dibina hendaklah ditanam dengan pokok-pokok yang boleh menjadikan bukan sahaja faedah dari segi kesihatan tetapi juga faedah dari segi keindahan ataupun dari segi kecantikan alam. Di samping itu kita di Kuala Lumpur ini memang sudah banyak jalan-jalan yang mempunyai pokok-pokok di tepi-tepi jalan tetapi nampaknya banyak pokok-pokok ini tidak diselenggarakan dengan begitu rupa sehinggakan seolah-olah pokok-pokok tersebut tidak ditanam pada waktu masa yang sama. Jadi selain daripada soal penanaman pokok-pokok ini mungkin diselenggarakan pada peringkat awal apabila jalan-jalan ini dibangunkan, maka penyelenggaraan oleh pihak Dewan Bandaraya ataupun Kementerian ini hendaklah sentiasa diwujudkan supaya keindahan bandar dan keseluruhan dari segi hawa hendaklah diwujudkan sentiasa di kawasan-kawasan yang terlibat di dalam Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud P. 24, muka surat 165, Butiran 1—Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini supaya di dalam meluluskan pihak pemaju-pemaju perumahan swasta untuk mendirikan rumah-rumah maka hendaklah sebahagian daripada projek mereka itu dapat dimasukkan ke dalam projek rumah kos rendah. Setakat hari ini kita dapati banyak rumah-rumah didirikan, banyak kawasan-kawasan perumahan (housing estate) didirikan tetapi kawasan-kawasan perumahan ini tidak ada diuntukkan kepada yang berpendapatan rendah. Ertinya kalau diambil nilai pada hari ini harga rumah itu di bawah \$20,000 satu unit. Kerana kita dapati perindustrian kemajuan perumahan ini adalah satu perindustrian yang menguntungkan, adalah tidak adil kalau kita membenarkan pemaju-pemaju perumahan swasta ini hanya hendak mendirikan rumah-rumah yang mahal kerana untuk mendapatkan keuntungan yang banyak tetapi membebankan segala pembangunan rumah-rumah kos rendah kepada Kerajaan. Kadang-kadang kita tidak boleh mengatakan bahawa oleh sebab kawasan yang mereka dirikan itu adalah merupakan kawasan-kawasan strategik maka perlu rumah-rumah yang agak upper bracket dan middle bracket sahaja didirikan, maka ini adalah merugikan, kerana kita dapati kalau kita benarkan rumah-rumah seperti ini sahaja didirikan sekurang-kurangnya dua masalah akan timbul. Masalah yang pertama sepertimana yang saya sebutkan tadi ialah beban hanya ditanggung oleh pihak Kementerian ataupun Dewan Bandaraya, khususnya bagi kawasan Wilayah Persekutuan. Yang kedua, kita akan mewujudkan lebih banyak lagi elite class ataupun kawasan-kawasan elite (elite area) yang mana adalah lebih baik, kalau kita campurkan di dalam satu kawasan perumahan mungkin 500 ekar atau 300 ekar itu kita campurkan, ada setengahnya daripada golongan menengah, ada setengah daripada golongan a'asan dan sebahagiannya walaupun tidak besar, sebahagian kecil yang terdiri daripada rakyat yang berpendapatan rendah.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh mengenai perumahan awam di kawasan Wilayah Persekutuan ini dengan menyentuh tentang kemudahan-kemudahan yang patut disediakan kepada orang-orang yang berpeluang mendapat rumah-rumah kos rendah di kawasan Wilayah

Persekutuan ini. Kita dapati oleh sebab rumah-rumah ini didirikan untuk kawasan-kawasan yang tertentu dan oleh sebab terlalu banyak rumah-rumah yang perlu didirikan dalam kawasan-kawasan yang tersebut demi untuk menjaga kos agaknya maka kemudahan-kemudahan yang sepatutnya selalu tidak sepatutnya didapati, walaupun didapati ala kadar.

Saya menyentuh perkara ini kerana kita dapati kalau sekiranya dalam kawasan elite atau kawasan-kawasan yang mempunyai rumah-rumah yang kos tinggi, rumah-rumah yang kos sederhana dapat disediakan dengan padang-padang permainan dan sebagainya walhal kalau hendak dikira bilangan mereka itu tidak begitu ramai tetapi dalam kawasan rumah-rumah kos rendah yang didirikan oleh mana-mana pihak sekalipun mungkin kalau dikirakan dari segi ratio penduduk dengan keluasan padang-padang permainan atau social amenities dan lain-lain itu mungkin tidak setaraf. Maka saya mengesyorkan supaya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan social dalam kawasan perumahan awam kos rendah dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini hendaklah diambil kira kemudahan-kemudahan ini dari segi ratio penduduk dan keluasan dan kemudahan peralatan atau kemudahan-kemudahan awam (social amenities) tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh masih lagi P. 24, Butiran 2—Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan kerana saban tahun kita dapati ada satu Butiran Mengenai Pengawalan Penempatan Setinggalan-setinggalan di Wilayah Persekutuan walaupun kita dapati peruntukannya hanya \$4.4 juta kalau dibandingkan dengan jumlah setinggalan yang hampir-hampir 300,000 di Kuala Lumpur ini. Walau bagaimanapun, ini adalah menandakan satu usaha positif yang ditunjukkan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan.

Cuma di dalam masalah ini saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan apakah kemudahan-kemudahan ini hanya dimaksudkan dengan stand-pipe atau hanya dimaksudkan dengan mengadakan jalanraya-jalanraya sementara atau mengadakan api elektrik sementara ataupun mengadakan kemudahan-kemudahan yang lain. Kalau sekiranya ini yang dimaksudkan, saya

mengalukan perkara ini. Kalau ini tidak termasuk di dalam apa yang dimaksudkan dalam Butiran 2, P. 24 ini, saya ingin mencadangkan supaya seberapa yang boleh setiap kawasan setingan hendaklah dilengkapi dengan bekalan air walaupun bekalan air dalam bentuk stand-pipe. Begitu juga dengan api elektrik dan seterusnya dengan perkara-perkara kemudahan lain di jalan yang menasabah. Begitu juga dengan rumah-rumah digunakan umum seperti balai raya dan sebagainya sesuai dengan keadaan tempatan tersebut.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan supaya kemudahan telefon kalaulah dapat dipertimbangkan dimasukkan juga ke kawasan-kawasan setingan ala kadar sementara sahaja sehingga mereka ini dapat dipindahkan kepada satu kawasan yang kekal sebagaimana yang dirancangan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara P. 24 juga, Butiran 19, mukasurat 166—Kemudahan Sosial. Saya ingin mencadangkan di dalam pihak Kementerian Wilayah Persekutuan atau Dewan Bandaraya merancang atau mengadakan plan-pelan induknya, maka hendaklah di peringkat awal-awalnya lagi disediakan tempat-tempat permainan yang agak standard, dirancangan penyediaan tempat-tempat permainan yang agak standard.

Misalnya, kita telahpun mempunyai sebuah stadium yakni Stadium Merdeka, maka apakah salahnya memandangkan keadaan kerumitan untuk mendapatkan tanah pada masa akan datang, memandangkan keadaan perkembangan penduduk dalam Wilayah Persekutuan adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan tempat-tempat yang lain di negara ini, apakah salahnya kalau kita menyediakan beberapa tempat atau kita ' earmark ' beberapa tempat untuk dijadikan tempat-tempat permainan ala Stadium Merdeka.

Saya menyentuh perkara ini, Tuan Pengerusi, kerana mungkin pada hari ini masih lagi kedapatan tanah-tanah lombong yang boleh dipenuhi dan tanah-tanah lombong ini kalau tidak di earmark pada masa ini untuk perkara-perkara tersebut mungkin ianya tidak berapa lama lagi akan ditumbuhi sebagai cendawan oleh rumah-rumah sama ada rumah-rumah kos rendah keupayaan

Dewan Bandaraya sendiri ataupun rumah-rumah yang dibangunkan oleh pihak pemaju-pemaju swasta.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, mengenai padang-padang permainan ini mungkin juga pada setengah-setengah tempat kita tidak dapat mengadakan padang-padang permainan yang baru kerana ketiadaan tempat atau ruangan (space). Maka dengan cara yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran untuk memajukan (develop) padang-padang sekolah yang agak boleh dimajukan supaya dapat dijadikan padang-padang yang sesuai bagi acara-acara yang lebih besar daripada acara-acara yang pernah dijalankan sendiri oleh sekolah. Misalnya, padang Victoria Institution sebagai contoh. Begitulah juga beberapa padang yang lain yang masih lagi dapat diperbaiki dan keluasaannya adalah masih cukup.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, perkara P. 24, Butiran 27—Projek-projek Ugama (Religious Projects). Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana memperuntukkan sebanyak \$3.4 juta untuk projek-projek Ugama Islam pada tahun 1981 ini dan di samping itu saya minta supaya pihak Kementerian Wilayah Persekutuan ini memikirkan agak lebih jauh sedikit daripada soal projek-projek keugamaan ini.

Di samping kita menyediakan projek-projek keugamaan, infrastruktur keugamaan dari segi kebendaan sebagaimana kita menyediakan masjid, kita menyediakan surau maka hendaklah juga kita melihat keadaan infrastruktur yang wujud setakat hari ini sama ada infrastruktur dalam bentuk bangunan-bangunan yang ada, sama ada infrastruktur dalam bentuk services atau kemudahan-kemudahan yang ada pada hari ini.

Misalnya, pada tahun lepas saya telah mengemukakan, di samping kita mengadakan infrastruktur atau peralatan-peralatan kemudahan keugamaan ini hendaklah juga dikaji apakah suasana yang wujud di dalam Kuala Lumpur pada hari ini adalah suasana yang sesuai untuk pertumbuhan dan perlanjutan Ugama Islam.

Contohnya, mungkin, Tuan Pengerusi, kita hendaklah mengkaji jadual-jadual permainan-permainan, waktu-waktu yang tertentu yang

perlu mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya yang di bawah kelolaan Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah Akta Kerajaan Tempatan itu perlu disemak semula. Apakah ini perlu disemak semula, misalnya supaya orang-orang Islam tidak perlu terpaksa memilih di antara sembahyang Maghrib dengan perkara-perkara lain apabila orang-orang Islam tidak perlu memilih di antara sembahyang fardhu Jumaat dengan perkara-perkara lain, apabila orang-orang Islam tidak perlu memilih di antara tugas-tugas keugamaan dengan tugas-tugas hiburan dan sosial, maka kita boleh menyesuaikan perkara ini, hanya terpujanglah kepada Dewan Bandaraya sama ada Dewan Bandaraya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ini 'has the political will' atau mempunyai kesanggupan membuat ini. Dalam masalah pelaksanaan cadangan ini, Tuan Pengerusi, saya yakin dan percaya hanya penyesuaian dari segi masa setengah jam atau satu jam sebelum atau selepas sahaja dan ini saya dapat memberi jaminan kepada semua pihak kalau ianya dijalankan dengan betul dan ikhlas dan sesuai dengan kehendak Rukun Negara, ianya tidak akan menyentuh dan membabitkan mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.57 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh B.24 mukasurat 159, Butiran 1100—Gaji dan Upahan yang berkaitan dengan Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa tujuan Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuhkan ialah untuk membangun dan mentadbirkan Wilayah Persekutuan sejajar dengan tarafnya sebagai ibu negara Malaysia seperti mana yang ternyata dalam Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi.

Di sini perlu saya menyentuh satu perkara yang ada berkait dengan dasar dan pentadbiran Kementerian Wilayah Persekutuan di mana satu peristiwa yang berlaku di dalam kawasan Wilayah Persekutuan di mana beberapa syarikat, papan-papan tanda mereka adalah diminta diubah ditulis dengan Bahasa Malaysia, kerana dasar dan peraturan baru ini telah menimbulkan satu kekeliruan dan tanda tanya di kalangan masyarakat

perniagaan iaitu bila sesebuah syarikat didaftarkan dengan nama A kalaulah diubah dengan nama B, ertinya kalau syarikat ini didaftarkan dalam Bahasa Inggeris atau bahasa Cina, dengan arahan dari pihak Dewan Bandaraya atau Kementerian Wilayah Persekutuan, maka bolehkah ini dianggap sebagai perkara yang melanggar undang-undang. Semalam Ahli Yang Berhormat dari Kangar juga ada menyebut penggunaan Bahasa Malaysia atas papan-papan tanda.

Tuan Pengerusi, selama ini sejak kemerdekaan sehingga hari ini saya yakin rakyat Malaysia sudah menyatakan sokongan sepenuhnya terhadap dasar Kerajaan iaitu Bahasa Malaysia dijadikan sebagai Bahasa Rasmi dan Bahasa Kebangsaan dan perkara ini sudah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia di bawah Fasal 152, tetapi Fasal 152 ini tidak melarang penggunaan bahasa-bahasa lain baik dari segi pengajaran, penggunaan atau lain-lain tujuan selain daripada Bahasa Malaysia, akan digunakan dalam tujuan rasmi. Ini sudah sangat jelas bahawa rakyat Malaysia menyambut baik dan menyokong apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi saya tidak tahu apakah sebabnya peraturan baru ini telah diarahkan dan adakah Menteri Wilayah Persekutuan sedar atau tidak atas perkara ini yang nampaknya bertentangan dengan semangat dan prinsip Perlembagaan Malaysia.

Semalam satu kes juga telah berlaku bukan sahaja di Wilayah Persekutuan tetapi juga di Melaka di mana kain-kain iklan yang ditulis dalam bahasa Cina.

Tuan Pengerusi: Itu Melaka tak payah ceritalah—cerita di Wilayah sahaja.

Tuan Chan Teck Chan: Saya beri contoh sebab itu ada juga berlaku di Wilayah di mana kain iklan tertulis dalam bahasa Cina telah diminta oleh pihak berkuasa supaya diturunkan dan jangan ditulis dalam bahasa Cina, dan tuduhan yang dilemparkan oleh penguatkuasa ialah. . . .

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Penjelasan, kalau dia beri jalan bolehlah.

Tuan Chan Teck Chan: Beri.

Tuan Hussein bin Mahmood: Dia beri jalan, terima kasih. Apakah ini berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan ataupun di tempat lain?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, perkara ini adalah berlaku di Wilayah Persekutuan dan saya hanya memberikan satu contoh di Melaka, apa yang sudah berlaku, maka pihak kaum penjaja dan peniaga kecil dituduh komunis kerana mereka menggunakan bahasa Cina. Saya sudah mengambil tindakan melaporkan perkara ini bukan sahaja kepada Ketua Menteri Melaka tetapi juga disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana perkara ini sudah menimbulkan suasana yang

Tuan Pengerusi: Melaka itu tak usah ceritakan lagi panjang-panjang balik semula Wilayah Persekutuan. Dalam Dewan Undangan Negeri Melaka bersyarahlah di sana.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Pengerusi, di Wilayah Persekutuan perkara inipun sudah membawa satu protes yang sekeras-kerasnya dari masyarakat perniagaan Cina yang mengatakan syak wasangka bagaimana mereka memutuskan atau melakukan perkara ini dan adakah ini boleh diterima sebagai perkara yang sah di sisi Perlembagaan Malaysia. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang akan mengulung perbahasan ini dapat memberikan satu panduan dan menjelaskan dasar dan peraturan ini. Adakah ini merupakan satu perkara yang sudah disahkan oleh Kementerian berkenaan dan adakah ini sudah diluluskan dalam Kabinet kerana dalam perkara pentafsiran Perlembagaan adalah salah dan tidak boleh diterima oleh Malaysia sebagai masyarakat yang berbilang bangsa di mana kebebasan menggunakan bahasa yang lain adalah diizinkan.

Tuan Pengerusi, di bawah Pentadbiran Am ini, khasnya mengenai Program (b) Perancangan dan Penyelidikan, saya di sini hendak menyentuh satu perkara yang ada berkaitan dengan perancangan di kawasan Wilayah Persekutuan. Nampaknya perancangan di Wilayah Persekutuan sebagai Ibu Negara Malaysia ini sudah gagal atau dalam bahasa Inggeris "all in a mess" kerana dari sistem lalu lintas, dari perancangan perumahan atau bangunan, dari perancangan alam sekitar, kediaman manusia atau pekerjaan (human working condition and living environment) semuanya sudah membawakan keadaan

yang sesak dan yang sangat genting (tension) di alam sekitar atau sekeliling Wilayah Persekutuan. Kalau kita mengadakan satu kajian yang menyeluruh dan mendalam tentang perancangan bandar, umpamanya di negara Eropah kita sangat bebas dan sangat merasa selamat berjalan di kawasan-kawasan bandar dan juga kita merasa segar dengan udaranya, tetapi di Kuala Lumpur kita merasa sangat sesak, bukan sahaja udara sangat kotor dan rakyat merasa tidak selamat apabila berjalan kaki atau melintas jalanraya kerana ancaman trafik dan lain-lain dan juga perancangan perumahan sangat sempit (crammed) dan langsung tak ada satu kawasan yang lapang di mana manusia boleh berjalan melapangkan masa mereka, baik dalam masa selepas bekerja atau dalam masa lapang mereka.

Di sini saya hendak mempersoalkan satu perancangan telah diadakan di Wilayah Persekutuan di mana Kementerian ini adalah diwujudkan untuk menjadikan Ibu Negara Malaysia ini sebagai bandar contoh untuk dicontohi oleh tiap-tiap negeri yang ada di Malaysia. Ini sangat jelas dinyatakan dalam tujuan Prestasi dan Program muka surat 1789 tujuan khususnya untuk mencapai matlamat negara, khususnya Dasar Ekonomi Baru, supaya menjadi model negeri-negeri lain. Nampaknya Kementerian Wilayah Persekutuan sudah gagal untuk mencapai matlamat itu. Kita boleh lihat dari segi kehidupan sosio-ekonomi rakyat di Wilayah Persekutuan, umpamanya, masalah kaum penjaja, masalah rumah setinggan, masalah small scale industry yang ada di Wilayah. Kesemua ini merupakan satu sosio-ekonomi dan bukan satu masalah dari ciptaan manusia dengan sengajanya, tetapi nampaknya Kementerian Wilayah tidak bertindak dari segi sosio-ekonomi untuk mengatasi masalah kaum penjaja atau kaum rumah setinggan. Sebaliknya, boleh dikatakan tiap-tiap hari kita ada terima laporan dan aduan mengenai bagaimana pihak berkuasa bertindak untuk mengancam dan menghukum penjaja daripada mencari kehidupan mereka sehari-hari. Apa sebab Kerajaan dan Kementerian Wilayah tidak boleh mempertimbangkan perkara ini dari segi peri kemanusiaan, dari segi pembangunan sosio-ekonomi untuk mengadakan lebih banyak pusat-pusat penjaja supaya mereka boleh ditempatkan di satu tempat yang lebih ekonomik dan boleh mencari kehidupan mereka tetapi dalam proses mengatasi masalah ini juga berlaku

diskriminasi kaum apabila rakyat menghadapi masalah ini. Rumah-rumah setinggan merupakan satu masalah yang menunjukkan pelan induk perancangan bandar Kuala Lumpur sudah gagal kerana menurut perangkaan lebih kurang $\frac{1}{4}$ bilangan penduduk di Wilayah ini adalah terdiri daripada penduduk dari rumah setinggan. Ini sudah menunjukkan betapa seriusnya masalah kemiskinan yang ada di bandar Wilayah Persekutuan.

Memang ada beberapa faktor yang sudah mengakibatkan begitu pesat pertumbuhan masalah rumah setinggan, tetapi satu masalah, satu faktor penting ialah rancangan perbandaran (urbanisation) dilancarkan oleh Kerajaan tanpa memperhitungkan faktor-faktor serupa ini menggalakkan lebih ramai penduduk dari luar bandar datang ke bandar. Saya tidak mengatakan saya menentang tetapi saya menyokong, tetapi rancangan ini tidak dibuat satu program yang sistematik untuk menempatkan mereka mendapat hidup secara sentosa dan tanpa mengalami apa penderitaan atau terjerumus dalam azab sengsara.

Ini adalah merupakan satu masalah yang sangat rumit, memang Menteri ada berkata semasa soal jawab dua tiga hari yang lepas iaitu satu langkah paling berkesan untuk mengatasi rumah setinggan ialah mengadakan rancangan perumahan kos rendah, tetapi selain daripada itu apakah langkah akan diambil untuk mengatasi masalah dari segi kualiti kehidupan sosio-ekonomi mereka selain daripada perumahan. Nampaknya Kementerian Wilayah sampai saat hari ini masih belum membentangkan satu pelan induk perancangan umpamanya, 20 tahun, 30 tahun untuk membangunkan kawasan Wilayah Persekutuan sebagai Ibu Negara Malaysia yang termoden dan yang termaju dan secara sistematik di mana alam sekitar kehidupan manusia boleh dijamin dan dibebaskan daripada mengalami umpamanya, pencemaran udara, ancaman traffic-jams dan lain-lain masalah umpamanya maksiat sosial yang menjadi-jadi dalam Wilayah Persekutuan. Nampaknya dalam perancangan itu faktor-faktor kemanusiaan, faktor-faktor kehidupan manusia sudah dilalaikan, sudah dicuainya, hanya tahu membina rumah-rumah sahaja, meluluskan pelan-pelan perumahan tanpa memperhitungkan bagaimana manusia boleh hidup dalam rancangan ini dengan secara aman, sentosa selepas

mereka bekerja atau boleh bekerja dalam satu suasana pekerjaan yang sangat senang tanpa menimbulkan apa-apa suasana tekanan (tension).

Di sini kita boleh lihat Malaysia masih perlu mempelajari daripada pembangunan perancangan di negara-negara Europe. Saya bukan kata hendak mencontohi 100%. Di Europe umpamanya, di Holland, di Germany kita berjalan dengan senang hati, terdapat banyak kawasan lapang dan hijau dengan bunga-bunga, pokok-pokok di tepi jalan dan juga kita tidak nampak apa-apa traffic jam atau diugut, diancam oleh kenderaan yang melalui di jalan kita—tidak. Di sana kita lihat bagaimana tenang fikiran manusia yang hidup dalam satu kota, umpamanya di negara kita Wilayah Persekutuan, di Kuala Lumpur. Kalau satu hari seseorang rakyat mahu kerja 8 jam office hours, dengan izin, dua jam sudah diboroskan, dibelanjakan dalam traffic jam. Ini sudah tentu membawa satu keadaan yang sangat bahaya dari segi mental manusia.

Saya tidak tahu apakah penyakit sosial akan dibawa terhadap kehidupan manusia pada masa 20 tahun yang akan datang. Saya tidak mahu melihat rakyat di Wilayah Persekutuan pada masa 20 tahun yang akan datang menjadi sebahagian besarnya adalah psiko atau fikiran tidak siaman dan lain-lainnya, atau kes-kes membunuh diri kian meningkat tinggi. Semua faktor-faktor ini perlu dipertimbangkan dalam perancangan bandar di Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian Wiayah Persekutuan mengubah atau mengadakan satu Master Plan yang radical dan long term planning dengan izin, supaya kita boleh mengelakkan menjejak langkah-langkah yang salah yang ada tertimpa pada negara-negara membangun seperti di Europe dan lain-lain tempat. Kita jangan contoh 100%, tetapi kita perlu mempelajari pengalaman dan pengajaran yang very costly itu, Tuan Pengerusi. Itulah satu nasihat saya mengenai perancangan bandar di Wilayah Persekutuan dan saya harap nanti Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu saya apakah Master Plan yang saya sebutkan tadi sudah diadakan dan bila akan dijalankan dengan secara systematic dari pengetahuan Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh satu lagi perkara iaitu Butiran 1100, (1) Pentadbiran Am dan (c) Penyelarasan dan Pengesanan (Coordination and Identification).

Tuan Pengerusi, saya suka merujuk juga di bawah program ini ialah Anggaran Belanja Program dan Prestasi Jilid II halaman 1796 mengenai Strategi Belanja Aktiviti Tahun 1981 ini adalah berkaitan dengan pecahan (c) ini.

Tuan Pengerusi, sebelum Yang Berhormat Menteri memberitahu saya, adakah peruntukan yang diperuntukkan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk melaksanakan projek-projek kecil sepertimana yang termaktub di sini, dengan izin, saya quote:

“Dengan bertambahnya tugas dan program pembangunan yang akan dijalankan (termasuklah pelaksanaan projek-projek di bawah peruntukan Ahli-ahli Parlimen Wilayah Persekutuan).”

Di sini yang setahu saya Ahli-ahli Parlimen dari DAP langsung tidak menerima satu sen pun di bawah peruntukan ini iaitu sejumlah \$100,000 tiap-tiap tahun untuk melaksanakan projek-projek pembangunan kecil. Pada prinsipnya saya tidak menentang idea atau konsep untuk memberikan satu peruntukan pembangunan kepada tiap-tiap Ahli Parlimen melaksanakan projek kecil demi kepentingan kebajikan rakyat tempatan. Tetapi prinsipnya, konsepnya, dasarnya baik; cara pelaksanaannya adalah salah, tidak adil dan tidak demokratik kerana peruntukan ini hanya diperuntukkan kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, bagaimana pula Parti Pembangkang? Bukankah Ahli-ahli Parlimen dari Parti Pembangkang juga dipilih oleh rakyat dalam pilihanraya umum dengan cara dan proses demokrasi, dengan membuang undi, kalaulah semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini adalah dipilih melalui proses pengundian yang sama dalam pilihanraya umum maka diskriminasi ini tidak seharusnya dilakukan atas peruntukan pembangunan. Kalau ini hanya dihadkan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional saya berpendapat bahawa ini adalah merupakan satu amalan dan dasar bukan sahaja terlibat “abuse of power” dengan izin, Tuan Pengerusi, juga sudah melanggar semangat dan prinsip demokrasi berparlimen kerana kita sebagai wakil rakyat juga ada bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga

kebajikan rakyat yang memilih kita menjadi wakil mereka. Kalaulah Ahli Parlimen dilayakkan untuk menerima peruntukan pembangunan tiap-tiap kawasan maka diskriminasi ini tidak seharusnya dijadikan sebagai dasar pembangunan Kerajaan Barisan Nasional, mungkin ini dari segi undang-undang adalah salah.

Saya sudah kata di sini bahawa DAP sedang mempertimbang bolehkah ini dijadikan satu test case supaya ianya dirujukkan kepada mahkamah, biarlah mahkamah memutuskan adakah dasar peruntukan wang ini sudah terlibat satu kes abuse of power. Setakat ini, sehingga hari ini tidak seorang pun di mana wang itu diperuntukkan, baik dari Kementerian Kewangan atau dari Perbendaharaan. Saya tidak tahu selama ini yang saya tahu ialah wang ini adalah wang rakyat, maka ini bukan wang dari Perbendaharaan, Barisan Nasional, UMNO, MCA atau MIC, wang itu wang rakyat maka rakyat adalah berhak. Rakyat di seluruh Malaysia adalah berhak untuk mempersoalkan Kerajaan apa sebab Kerajaan yang mengatakan Malaysia adalah sebuah negara yang menjunjung tinggi demokrasi berparlimen, tetapi rakyat bila menjalankan hak mereka untuk mengundi, yang mengundi wakil rakyat dari Parti Pembangkang diberikan satu layanan yang tidak sewajarnya. Ini adalah merupakan satu penghinaan terhadap rakyat sendiri, juga merupakan satu perkara penghinaan yang dahsyat terhadap demokrasi yang ada di Malaysia hari ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menjawab dan menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini apa sebab hanya Ahli Parlimen dari Barisan Nasional diperuntukkan wang di bawah pecahan (c) ini tetapi tidak termasuk Ahli Parlimen dari Parti Pembangkang.

Akhirnya, saya harap satu perkara yang saya sentuh iaitu mengenai penggunaan Bahasa Malaysia sepertimana yang baru saya sebutkan di bawah pentadbiran mengenai tugas Menteri Wilayah Persekutuan untuk memberikan satu jaminan kepada rakyat di kawasan Wilayah Persekutuan bahawa semangat Perlembagaan Malaysia, Fasal 152 mengenai penggunaan bahasa ini bolehlah di-sanjung tinggi dan juga peraturan yang di-amalkan baru-baru ini boleh dibatalkan dengan serta merta supaya rakyat tidak lagi dipaksa untuk mengalami satu keadaan yang serba salah dan serba susah di mana nampaknya adalah melanggar Perlembagaan.

Mungkin ini boleh dijadikan satu test case, kalaulah satu peraturan yang bertulis dikeluarkan kepada tuannya-tuannya kedai dan syarikat supaya kita boleh lihat adakah sah atau tidak sah dengan mengeluarkan satu arahan untuk meminta pihak syarikat mengubah papan tandanya dari bahasa-bahasa lain ke Bahasa Malaysia sahaja. Saya fikir ini boleh dijadikan satu test case di mahkamah, tetapi saya harap perkara bahasa ini janganlah dijadikan satu perkara yang controversial kalau semua pihak yang ada di Malaysia ini, masyarakat yang berbilang bangsa ini boleh bertolak ansur menjunjung tinggi Perlembagaan tentu ini tidak akan berlaku.

Saya harap satu jaminan boleh diberikan kerana saya tidak mahu melihat apa yang berlaku di Melaka semalam akan berlaku di Wilayah Persekutuan di mana tuannya-tuannya kedai dituduh sebagai komunis bila mereka menggunakan Bahasa Cina untuk menulis kain iklannya (advertisement) dan mereka dipaksa menurunkan kain-kain advertisement itu, dan saya telah mencabar Kerajaan kita tidak akan bertolak ansur di atas perkara ini. Biarkan perkara ini dirujukkan ke mahkamah, biarlah mahkamah membuat satu keputusan yang adil, adakah ini sah atau tidak sah dari segi Perlembagaan dan undang-undang. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

4.23 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh secara ringkas mengenai Maksud Pembangunan P. 24 iaitu Butiran 1, 2 dan 3.

Tuan Pengerusi, apabila kita membincangkan.....

Tuan Pengerusi: Muka surat berapa Yang Berhormat?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Muka surat 165. Maksud Pembangunan P. 24.

Apabila kita membincangkan soal Wilayah Persekutuan kita sebenarnya membincangkan soal ibu negara. Ini adalah satu perkara yang terlalu penting sebab ibu negara-lah yang menjadi simbol kemegahan negara,

tempat yang menjadi lambang perpaduan kebangsaan, tempat yang menjadi simbol dan juga lambang ego kebangsaan, tempat yang menjadi lambang dan juga simbol keperibadian negara dan inilah juga tempatnya yang memberi impression yang pertama kepada pelabur, kepada pelancung dan juga kepada lain-lain yang hendak melawat ke Malaysia. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya rasa kita tidaklah boleh menggunakan kayu pengukur yang digunakan untuk mendapat bantuan ataupun peruntukan di tempat-tempat lain bagi membincangkan soal peruntukan bagi pembangunan Wilayah Persekutuan.

Oleh sebab itu, saya rasa peruntukan yang dipohon iaitu jumlahnya hanya \$94 juta itu adalah satu jumlah yang terlalu sedikit jika dibandingkan peranan yang boleh dimainkan oleh Wilayah Persekutuan dalam soal-soal menjadi model pembangunan untuk seluruh negara ataupun menjadi lambang perpaduan, lambang kemegahan dan sebagainya. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya juga turut bimbang tentang pembangunan yang sedangpun dilakukan dengan cara yang kurang teratur di seluruh Wilayah Persekutuan dan juga di Bandaraya Kuala Lumpur kerana soal Pelan Induk (Master Plan) ini sudahpun diperkatakan, kalau tidak salah saya, sudah 15 tahun, dahulunya tidak ada Wilayah Persekutuan, datang seorang Datuk Bandar diapun mengeluarkan arahan untuk suatu Master Plan, selepas itu bila tukar pula Datuk Bandar yang lain, arahan yang baru pula dipindah, diubah dan sebagainya. Setahu saya sehingga sekarang belum lagi ada suatu Master Plan yang teratur yang sudahpun diselesaikan untuk menjadi panduan yang sesuai bagi pembangunan ibu negara kita ini.

Saya takut perkara ini terlambat ataupun mungkin terlambat sebab kalaulah kita membenarkan pembinaan yang begitu pantas sekali, begitu cepat sekali nampaknya pembangunan di seluruh Wilayah Persekutuan, maka kemudian bila kita ada suatu perancangan yang lain maka terlambatlah kita hendak membuat sesuatu yang dikehendaki itu. Oleh sebab itu, saya rasa sudahlah sampai masanya untuk Kementerian Wilayah Persekutuan menghidupkan sedikit fail tentang Pelan Induk (Master Plan) ini iaitu mempercepatkan sedikit supaya Pelan Induk (Master Plan) bagi pembangunan Wilayah

Persekutuan dan juga bandaraya Kuala Lumpur ini dipercepatkan, diselesaikan dan kalau boleh ini dipegang terus untuk selama-lamanya.

Jadi secara sekarang ini, kalau perkara ini diperlambat-lambatkan lagi, saya rasa mungkin apabila masanya sampai generasi yang akan datang tidak akan boleh turut megah dengan ibu negara yang cantik dan teratur dan menjamin kualiti hidup yang menasabah. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya rasa memandangkan kawasan Wilayah Persekutuan ini begitu sempit, seharusnya suatu Pelan Induk (Master Plan) atau perancangan bagi bandaraya Kuala Lumpur disatukan dengan perancangan bagi seluruh Wilayah Persekutuan. Tanah-tanah yang dipunyai oleh Kerajaan sedikit sangat yang tinggal di Wilayah Persekutuan. Penduduknya kian hari kian bertambah dan mungkin akan meningkat sehingga 2 juta dalam masa 5 tahun atau 7 tahun lagi memandangkan kemajuan yang begitu pesat.

Oleh sebab itu, saya rasa selepas Master Plan ini selesai, maka Kerajaan haruslah bagi kepentingan rakyat keseluruhannya di Malaysia ini dan juga bagi kepentingan generasi yang akan datang, menggunakan kuatkuasanya untuk mengambil tanah-tanah ataupun membeli tanah-tanah yang dipunyai oleh orang-orang perseorangan ataupun yang tidak dipunyai oleh Kerajaan dengan harga ataupun compensation yang adil. Dengan itu bolehlah Kerajaan menjalankan perancangannya dengan lebih teratur. Kalau kita tunggu apabila hendak buat sesuatu projek barulah kita memulakan proses pengambilan tanah dan sebagainya maka sudah tentulah ini akan mengambil masa yang panjang dan banyak projek-projek Kerajaan akan tergendala.

Begitu juga dengan soal setinggan. Saya rasa kalaulah Pelan Induk ini selesai nanti maka soal setinggan ini juga dapat dikawal. Saya rasa tidak mustahil ataupun tidaklah begitu sukar untuk kita kawal soal setinggan ini. Apabila soal setinggan ini terkawal maka sudah tentulah segala pelaksanaan projek-projek pada masa hadapan akan dapat dijalankan dengan lebih teratur.

Saya rasa, Tuan Pengerusi, jabatan-jabatan yang bertanggungjawab dengan soal pembangunan Wilayah Persekutuan dan juga soal perumahan awam di Wilayah Persekutuan ini haruslah mempelajari sedikit

sebanyak dari cara-cara pembangunan yang terdapat di Singapura, negara jiran kita; iaitu sudah sampai masanya kita memulakan dengan kompleks rumah-rumah pangsa secara besar-besaran iaitu seperti terdapat di Singapura, Jurong ataupun Queens Town dan sebagainya di mana kompleks rumah pangsa ini dibuat dengan cara besar-besaran dan dengan ini mudahlah bagi pihak Kerajaan untuk memberi kemudahan-kemudahan yang tertentu, misalnya, kemudahan-kemudahan permainan, kemudahan-kemudahan yang lain bagi meninggikan lagi kualiti dan taraf hidup rakyat yang menduduki rumah-rumah pangsa ini.

Saya rasa rumah yang dibuat yang kita nampak di Jalan Pekeliling itu janganlah dibuat macam itu sebabnya belum apa-apa lagi sudahpun menjadi slum di Kuala Lumpur ini. Saya rasa haruslah diperancangkan dengan lebih elok di mana kalau kita pergi ke Singapura tidaklah nampak kain-kain di merata-rata jendela dan sebagainya yang akan memburukkan imej bandaraya ibu negara kita ini.

Sekian sahajalah, Tuan Pengerusi, cuma akhir sekali saya ingin memberi pendapat sedikit mengenai perumahan awam yang sedang dibina di bandaraya.

Saya sudahpun menerima beberapa teguran dari orang-orang bahawa rumah pangsa yang disediakan oleh pihak Kerajaan adalah terlalu sempit dan terlalu kecil untuk hendak hidup dengan cara menasabah. Jadi sudah tentulah pihak Bandaraya dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan boleh memikirkan tentang rumah-rumah pangsa ini berbagai-bagai jenis bukan terlalu distandardisekan sangat. Mungkin kita boleh adakan rumah pangsa yang \$55 bayarannya balik atau sewaanannya adalah \$55 sebulan atau \$100 dan kemudian \$150 dan sebagainya. Tetapi sekurang-sekurangnya janganlah kita membina rumah oleh sebab terpaksa membina rumah tetapi biarlah kita menyelesaikan masalah hidup rakyat iaitu memberinya rumah yang agak menasabah untuk hidup. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

4.31 ptg.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin menyampaikan jawapan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan berhubung dengan beberapa teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai tanggungjawab Kementerian ini di sepanjang perbahasan Belanjawan 1981 di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah mencadangkan lebih banyak lagi penubuhan bandar-bandar baru di Wilayah Persekutuan. Sukalah saya menjelaskan bahawa konsep penubuhan bandar-bandar baru sudah diterima oleh Kerajaan sebagai satu strategi penting dalam perancang bandar. Sistem pembangunan bandar baru berselaras dengan konsep untuk mengurangkan kesesakan dan konsentrasi di pusat bandar supaya mengurangkan masalah-masalah lalulintas, pencemaran alam sekitar, penyediaan kemudahan-kemudahan asas, membuka peluang pembangunan di kawasan-kawasan lain dan sebagainya di Wilayah Persekutuan. Bandar-bandar baru seperti Bandar Baru Cheras Konggo dan Bandar Baru Sentul sedang dilaksanakan pembangunannya. Beberapa kawasan lain sedang dirancangkan di bawah pelan induk Kuala Lumpur yang baru.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga menggesa supaya mempercepatkan penyediaan pelan induk bagi Kuala Lumpur. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan. Mengenai hal ini, suka saya menyatakan bahawa kajian penyediaan pelan induk sedang dijalankan dan dijadualkan siap pada pertengahan tahun 1981. Kajian ini memerlukan masa yang secukupnya kerana ia menyentuh aspek-aspek seperti penduduk, pengangkutan, sosio-ekonomi, alam sekitar, kemudahan-kemudahan rekreasi dan berbagai-bagai lagi yang perlu diteliti untuk menentukan faedah yang maksima kepada penduduk di Wilayah ini serta bagi menjamin masa depan yang lebih cemerlang bagi ibu negara ini.

Mengenai pelan induk ini, saya telah beberapa kali dalam masa soal jawab di Parlimen ini, telah memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang telah menimbulkan perkara ini dan saya telah mengatakan bahawasanya perkara seperti hendak mengadakan pelan induk ini bukan satu perkara yang senang, bukan satu perkara hendak mengadakan pelan untuk mendirikan sebuah rumah atau satu rancangan perumahan atau satu estet perumahan, tetapi ini adalah satu rancangan yang besar yang mesti diambil kira segala faktor-faktor, segala masalah yang dihadapi masa sekarang dalam Wilayah Persekutuan ini. Setakat usaha yang dijalankan pada masa sekarang saya boleh mengatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawasanya progress dalam menyediakan pelan induk ini adalah berjalan dengan baik. Perkara ini bukan perkara kecil dan kita tidak boleh menyelesaikan dengan cepat dan kita tidak boleh mengadakan pelan induk ini dengan cara yang tergesa-gesa.

Tuan Pengerusi, mengenai gesaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya diperbaiki sistem pengangkutan jalan dan mempercepatkan pembinaan jalan-jalan di Wilayah Persekutuan saya suka menegaskan di sini bahawa dalam menyediakan pelan induk bagi Kuala Lumpur salah satu daripada aspek yang penting ialah mengenai "mass rapid transit" sistem yang mengkaji berbagai jenis sistem pengangkutan termasuk aero-bus, mono-rail dan lain-lain. Kita tidak mengabaikan sistem-sistem seperti aero-bus dan mono-rail daripada pengkajian yang dijalankan pada masa sekarang. Sistem pengangkutan jalan dan lalulintas di Bandaraya ini perlu dirancang dan dilaksanakan secara menyeluruh dan berperingkat-peringkat supaya memberi faedah yang sepenuhnya kepada penduduk-penduduk. Kementerian, Kerajaan dan kita semua memang sedar bahawasanya di Kuala Lumpur ini kesesakan lalulintas begitu sekali dirasakan oleh semua orang sehinggakan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berasa tidak senang hati, selalu naik tension katanya. Jadi kalau dia tidak senang hati datang ke Kuala Lumpur tidak payah datang. Tetapi bagi orang lain memang ramai datang ke Kuala Lumpur. Kereta-kereta luar daripada Kuala Lumpur begitu banyak datang ke Kuala Lumpur terutama pada masa-masa cuti. Ini yang menyebabkan, terutama dalam bulan Disember ini, kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur ini begitu sekali hebat dan kesesakan ini pula bertambah oleh sebab kerja-kerja membesarkan jalan, melebarkan jalan,

mengadakan jalan baru dan berbagai-bagai kerja yang sedang dilaksanakan berhubung dengan tugas-tugas hendak memperbaiki keadaan lalulintas di Kuala Lumpur ini. Dengan ini maka bertambah sesak lagi dan saya percaya bahawasanya di awal tahun 1981 atau dalam pertengahan tahun 1981 keadaan kesesakan lalulintas ini akan banyak berkurangan. Inilah yang sedang diusahakan oleh Kerajaan kita pada masa sekarang tetapi bagi saya bila saya lihat keadaan kesesakan lalulintas ini satu perkara yang terlintas difikiran saya iaitu rupanya orang Kuala Lumpur ini banyak yang kaya sebab itu banyak kereta dan tidak ada yang mahu berjalan kaki. Sebolehnya keluar daripada pintu rumah hendak masuk ke pintu kedai tidak mahu meletakkan kereta-kereta di kawasan-kawasan perletakan kereta yang jauh dan kena berjalan. Kalau semuanya mengamalkan begitu maka inilah yang menjadikan banyak kesusahan dan kesesakan di jalan-jalanraya kita.

Menyentuh pula fasal skim area road pricing, ini ada hubungan juga dengan cadangan memperbaiki sistem lalulintas di Kuala Lumpur. Ini adalah sebahagian daripada sistem itu dan ia tidak akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan sekarang sehingga projek-projek yang berkaitan dengan program lalulintas dilaksanakan dengan jayanya seperti pengangkutan awam, jalan-jalan lingkaran di sekeliling bandar yang mana akan menjadi alternative routes kepada jalan-jalan yang melalui bandar sekarang ini. Jalan-jalan lingkaran yang dilaksanakan akan siap pada tahun 1981. Kalau hendak dilaksanakan juga area road pricing sekarang ini saya ingat lebih banyak traffic-jams dan nanti pula Ahli-ahli Yang Berhormat akan membuat berbagai tuduhan dan berbagai-bagai kritik bahawasanya tidak begitu mempertimbangkan dan tidak begitu berhati-hati dan kurang teliti dalam melaksanakan rancangan-rancangan bagi memperbaiki dan mengurangkan keadaan lalulintas dalam Kuala Lumpur ini.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya dibina jambat-jeambat di Jalan Shaw, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Hishamuddin adalah dimaklumkan bahawa Bandaraya telah pun mempunyai rancangan untuk membina jambat di Jalan Shaw. Walau bagaimanapun, jambat-jeambat di Jalan Sulaiman dan

di Jalan Hishamuddin akan dipertimbangkan di masa akan datang mengikut keperluan. Buat masa ini memadai menggunakan lampu syarat sahaja untuk kegunaan orang-orang menyeberangi jalan-jalan ini kerana di jalan-jalan ini ada lampu-lampu isyarat yang diletakkan di tempat-tempat yang sesuai.

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat tersebut Dewan Bandaraya sedang dan akan membina 11 buah jambat semuanya iaitu di Jalan Sungai Besi, Jalan Kuching, Jalan Pudu, Jalan Cheras, Jalan Ipoh, Jalan Gurney, Jalan Raja Laut, Jalan Loke Yew, Jalan Pahang, Jalan Pekeliling dan Jalan Shaw dan bila jambat-jeambat ini dibina saya harap jambat ini akan digunakan dan pedestrian tidak akan menyeberangi jalan-jalan yang sesak dengan tidak menggunakan jambat-jeambat yang didirikan itu.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kota Melaka, Tanah Merah dan Kulim Bandar Bahru ada membangkitkan perkara yang berhubung dengan tempat-tempat untuk peniaga-peniaga kecil.

Sukalah saya menerangkan bahawasanya memanglah menjadi dasar dan objektif Kerajaan untuk menambah dan menggalakkan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil. Dasar Kerajaan untuk menggalakkan peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil ini adalah dapat dilihat daripada bertambahnya jumlah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang berlesen dari 5,415 pada tahun 1970 kepada 14,352 pada tahun 1979 iaitu hampir tiga kali ganda. Angka ini tidak termasuk ratusan, hampir ribuan mereka yang berniaga tanpa lesen.

Tadi saya ada mendengar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka—dia hendak saya jawab tetapi tidak ada di sini— yang menyentuh bahawa kita ini tidak mempertimbangkan perkara-perkara hendak memperbaiki, memberi kemudahan-kemudahan berniaga kepada orang-orang yang miskin, kita tidak berperikemanusiaan dan berbagai-bagai lagi tuduhan. Sebenarnya dalam hal mengendalikan perkara penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil, kita mengadakan segala rancangan dan usaha untuk memperbaiki kedudukan mereka itu, Kerajaan adalah sangat bertimbang rasa. Kerajaan bermurah hati kerana kita telah mengadakan berbagai-bagai rancangan, enam buah kompleks untuk peniaga-peniaga kecil. Kita telah

menempatkan peniaga-peniaga kecil di berbagai-bagai tempat. Kita memberi kebenaran. Pendek kata, ada sahaja kawasan yang difikirkan sesuai di mana perniagaan itu boleh dijalankan tanpa mengakibatkan gangguan kepada Lalulintas maka kebenaran itu diberi, sehingga kepada backlane pun kita benar juga kerana kita tahu bahawa orang-orang miskin, orang-orang yang berpendapatan rendah memang hendak mencari pendapatan tambahan dengan mengadakan perniagaan-perniagaan kecil seperti ini. Kita begitu relaxed dalam melaksanakan penguatkuasaan sehingga ada begitu ramai peniaga-peniaga kecil yang berniaga hampir atas jalan dan kita hanya bertindak jika sekiranya kegiatan mereka itu sudah membawa dan sudah mengakibatkan kesusahan dan kesesakan Lalulintas. Apabila menjadi merbahaya kepada Lalulintas, baru kita bertindak. Jikalau tidak, kita memang memberi kesempatan kepada mereka itu untuk berniaga dan ini adalah dibuat hanya atas kesedaran bahawa adalah lebih baik mereka itu berniaga dan mendapat sedikit pendapatan daripada perniagaan mereka itu daripada membuat kerja-kerja yang lain, daripada mencuri, daripada merompak dan daripada menjalankan kegiatan-kegiatan lain yang tidak diingini oleh masyarakat. Dan bilangan mereka yang datang ke Kuala Lumpur untuk berniaga, untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan ini memang bertambah dari semasa ke semasa.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan ini kita perlulah mengawal peniaga-peniaga dan penjaja-penjaja kecil ini agar perniagaan mereka itu dijalankan secara teratur dan inilah yang sedang kita laksanakan sekarang ini dan kita harap dengan rancangan yang sedang diusahakan ini untuk membanjarkan lagi pusat-pusat perniagaan kecil yang dirancangan untuk Wilayah Persekutuan terutamanya di dalam Rancangan Malaysia Keempat, 24 buah banyaknya, maka keadaan mereka yang sekarang ini sedang berniaga di Kuala Lumpur dalam keadaan yang tidak begitu teratur akan dapat kita atasi.

Tuan Pengerusi, mengenai masalah pencegahan kebakaran, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, sukalah saya memaklumkan bahawa sebuah Jawatankuasa sudah dilantik untuk mengkaji dengan teliti secara menyeluruh kesemua masalah pencegahan dan pemadaman

kebakaran di Wilayah Persekutuan dan kajian ini adalah satu kajian yang detail dan menyeluruh mengenai segala aspek termasuk juga penglibatan orang ramai di dalam usaha-usaha mencegah dan memadam api. Perkara ini juga telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Ahli Yang Berhormat dari Baling pula telah menyentuh perkara pembangunan Kampung Bahru dan Datuk Keramat di samping membuat teguran berkenaan dengan kekurangan kemudahan-kemudahan sosial dan rekreasi di Kuala Lumpur. Adalah menjadi dasar Kementerian Wilayah Persekutuan untuk memperbaiki dan menaikkan taraf kawasan-kawasan mundur di Wilayah Persekutuan, termasuklah Kampung Bahru dan Kampung Datuk Keramat. Berbagai-bagai projek telah dan sedang dilaksanakan bagi kemudahan-kemudahan kampung-kampung yang berkenaan. Kajian untuk pembangunan secara menyeluruh telah juga dibuat dan sedang ditimbang.

Mengenai kemudahan sosial dan rekreasi di Kuala Lumpur ini, kita merancang untuk mengadakan beberapa taman yang besar ataupun kawasan-kawasan lapang yang besar dan sekarang ini kita sedang merancang untuk mengadakan taman besar di Bukit Kiara dan di Cheras. Kita harap perlaksanaan rancangan ini akan dapat disiapkan pada peringkat awal Rancangan Malaysia Keempat. Selain daripada itu, beberapa rancangan sedang diusahakan untuk kawasan-kawasan pengindahan dan tempat-tempat kecil di seluruh Bandaraya terutama sekali di kawasan-kawasan yang strategic.

Berhubung dengan perkara iklan dan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam iklan itu, perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menyatakan bahawa pemakaian Bahasa Malaysia di iklan-iklan adalah tidak memuaskan dan dia mahu melihat bahawasanya pemakaian Bahasa Malaysia dalam iklan-iklan itu sesuai dengan taraf Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka berpendapat lain pula, dan kurang ingin melihat pemakaian Bahasa Malaysia itu. Jadi dalam hal ini pemakaian iklan di Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah mengikut Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala

Lumpur, 1954. Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala Lumpur 1954 adalah didapati kurang sesuai pada masa sekarang dan usaha bagi menyemaknya sedang dijalankan pada masa sekarang dan apabila Undang-undang Kecil (Iklan) Kuala Lumpur yang baru dikuatkuasakan nanti maka kawalan terhadap iklan-iklan termasuk mensyaratkan penggunaan Bahasa Malaysia akan dapat dilaksanakan.

Dalam perkara menggunakan Bahasa Malaysia dalam iklan-iklan kita berharap pihak-pihak peniaga akan dapat menerima dan menyedari hakikat bahawasanya Bahasa Malaysia itu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dan sudah semestinya dalam iklan itu Bahasa Malaysia diberi tempat yang sesuai dan sejajar dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi. Kita memang menyedari bahawasanya adalah menjadi dasar Kerajaan tidak menghalang sesiapa sahaja hendak menggunakan bahasa-bahasa yang lain di dalam iklan-iklan. Tetapi yang kita harap bahawasanya walaupun bahasa lain itu dapat digunakan, Bahasa Malaysia itu mestilah digunakan dengan huruf yang besar sesuai dengan taraf dan kedudukan sebagai Bahasa Kebangsaan. Memang kebebasan itu ada. Tetapi di dalam mengamalkan hak dan kebebasan yang diberi kepada kita itu maka kita juga hendaklah terkawal dalam menggunakan hak itu, kita perlu juga menunjukkan bahawa kita ada perasaan dan bertimbang rasa dan memang faham tentang apa yang diharapkan daripada kita. Kita tidak ada pemaksaan di dalam hal-hal yang seperti ini.

Jadi sebab itulah saya mengatakan bahawasanya undang-undang yang ada sekarang ini agaknyanya yang menyebabkan keadaan kelam-kabut—kita akan menyemak undang-undang itu dan apabila selesai undang-undang itu maka kita akan laksanakan dan saya harap dengan pelaksanaan undang-undang itu maka keadaan yang tidak menyenangkan ini tidak lagi berterusan.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar dan Baling telah menyentuh mengenai kemudahan perkhidmatan ugama Islam di Wilayah Persekutuan ini. Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan sedang berusaha untuk memberi kemudahan dan perkhidmatan ugama yang lebih kepada penduduk-penduduk Islam di

Wilayah Persekutuan. 4 buah masjid baharu sedang dalam peringkat pembinaan iaitu Masjid Bangsar yang mana kemajuan pembinaannya sehingga ini sudah 25% siap. Bagi Masjid Damansara, kerja-kerja menyediakan tapak sudah siap. Masjid Bandar Baru Cheras sedang dalam persediaan pelan oleh Akitek Perunding, Masjid Kampung Padang Balang, Setapak sedang dalam proses memanggil tender.

Selain daripada projek-projek yang disebutkan di atas 6 buah masjid yang sedia ada sedang dalam peringkat pembesaran iaitu Masjid Batu Lima, Jalan Ipoh; Masjid Kampung Datuk Keramat, Masjid Kampung Pandan, Masjid Sungai Besi, Masjid Jamek Bandar, Jalan Tun Perak dan Masjid Sentul Pasar, 5 buah surau baharu juga sedang dalam peringkat pembinaan iaitu Surau Taman Taynton, Surau Taman Tun Dr Ismail, Surau Taman Maluri, Cheras; Surau Taman Melewar dan Surau Segambut Dalam.

Kementerian juga akan membina 4 buah lagi masjid dan sebuah surau baharu di Wilayah Persekutuan dalam tahun 1981. Masjid yang akan dibina itu ialah Masjid Batu Tiga, Cheras; Masjid Taman Rampai, Setapak; Masjid Taman Sri Segambut dan Masjid Bukit Maluri, Kepong. Selain daripada ini, kemudahan-kemudahan untuk beribadat, surau-surau kecil adalah dibenar didirikan juga di kawasan-kawasan setinggan.

Tuan Pengerusi, Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan akan mendapat 26 orang pegawai dan kakitangan tambahan pada tahun 1981 untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai dan dengan itu ceramah-ceramah ugama akan dapat diatur kepada pekerja-pekerja kilang bagi mengatasi masalah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Dalam hal ini, sukalah saya menyatakan bahawasanya usaha ke arah memberi pendidikan dan pelajaran ugama tidak semestinya dipertanggungjawabkan kepada hanya pegawai-pegawai yang bergaji dalam Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Jabatan Ugama Islam Wilayah Persekutuan ada memberi kebenaran kepada mereka yang difikirkan layak untuk menjadi guru-guru ugama di surau-surau dan di masjid-masjid yang ada di Wilayah Persekutuan dan adanya mereka ini maka bolehlah

kita anggap bahawasanya kakitangan untuk inenyebarakan ajaran agama Islam dan memberi pendidikan agama Islam dalam Wilayah Persekutuan ini adalah lebih banyak dari bilangan pegawai yang ditunjukkan dalam buku Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan ini.

Kementerian memang menyedari bahawa Bangunan Pejabat-pejabat Agama yang ada sekarang adalah dalam keadaan kurang memuaskan di mana satu peruntukan awal telahpun diperolehi untuk membina sebuah pejabat baharu dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik.

Bersabit dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Baling berkenaan dengan kedudukan sekolah-sekolah agama di Wilayah Persekutuan yang serba kekurangan, Jabatan Agama sedang berusaha mengisikan kekosongan 26 jawatan guru-guru agama dan juga membesarkan 6 buah sekolah agama di Taman Setapak, Jalan Menteri, Sekolah Agama Cheras, Sekolah Sungai Penchala, Sekolah Agama Datuk Keramat, Sekolah Agama Kampung Bahru, di samping itu juga Kementerian memberi kemudahan pendidikan agama kepada kanak-kanak di surau-surau dan masjid-masjid baharu yang akan didirikan. Tiap-tiap surau dan masjid akan disediakan 4 kelas pendidikan. Dan selain daripada itu juga di surau-surau yang sedia ada, di masjid-masjid yang sedia ada, kemudahan untuk mendapat pelajaran dan didikan agama adalah diadakan dengan adanya skim memberi kebenaran kepada mereka yang berkelakayan untuk mengajar agama Islam.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara perumahan awam, ini adalah satu tajuk yang telah disentuh oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sebenarnya telah berkali-kali memberi keterangan berhubung dengan perkara perumahan awam kos rendah di Wilayah Persekutuan ini semasa soal jawab beberapa kali di dalam sidang Parlimen kita ini.

Sukalah saya memberi pengakuan bahawasanya Kerajaan memang menganggap bahawa mengadakan rancangan perumahan untuk Wilayah Persekutuan ini adalah satu strategi yang penting untuk menaikkan taraf setinggan-setinggan yang begini ramai yang ada di Kuala Lumpur pada masa sekarang di samping memenuhi kehendak ribuan rakyat yang ada di Kuala Lumpur ini yang

memerlukan rumah-rumah kos rendah. Sebab itulah maka Kerajaan telah memutuskan untuk membina 30,000 unit rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Keempat, dan kita berharap bahawa target yang telah ditentukan ini akan dapat kita capai.

Kita sedang berusaha mencari segala jalan, segala usaha untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan rumah kos rendah ini dan kita sedang mempertimbangkan kemungkinan mengambil kontraktor-kontraktor dari luar negeri untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan rumah-rumah kos rendah ini secara turn-key untuk mempercepatkan pelaksanaannya. Dan rumah-rumah yang kita bina akan lebih baik daripada yang ada sekarang ini—bukan satu bilik lagi, kita pun tahu hidup dalam rumah kos rendah—flat satu bilik memang tidak selesa, semuanya bercampur, emak dan bapa, adik, kakak, jadi ini memang menyusahkan—kita pun faham. Sebab itulah kita telah merancangkan semua rumah-rumah yang akan diadakan nanti akan mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik dan satu kawasan serambi yang boleh juga digunakan untuk bilik. Kalau digunakan untuk bilik, jadi tiga. Dengan keadaan itu lebih selesalah untuk kita hidup dalam rumah-rumah yang berkenaan. Tetapi bila kita hendak mengadakan rumah yang biliknya lebih banyak, yang luas, lebih selesa, harganya murah, ini tentulah menjadi perkara yang sukar hendak kita atasi. Walau bagaimanapun, kita menyedari bahawasanya rumah yang lebih selesa diperlukan oleh rakyat dan rumah yang murah diperlukan juga oleh rakyat. Jadi perkara hendak mengatasi masalah ini, saya fikir eloklah diserahkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, ini memang tugas kami dan adalah dipercayai bahawasanya rumah-rumah yang akan dibina nanti dalam Rancangan Malaysia Keempat semuanya akan dapat menepati kehendak-kehendak daripada semua pihak, kehendak-kehendak yang mengeluarkan wang dan kehendak-kehendak yang hendak menyewa rumah-rumah tersebut. Rancangan perumahan kos rendah ini memang ada hubungannya dengan membaiki kedudukan setinggan yang ada sekarang ini.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka begitu tidak senang hati melihat terlalu ramai setinggan—satu per empat daripada penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan ini adalah dipenuhi dengan setinggan,

oleh itu perancangan Kuala Lumpur ini tidak baik—itu conclusionnya, saya masih ingat. Saya ingat Kuala Lumpur ini baik. Kalau tidak setingan tidak ramai datang. Tiap-tiap tahun ribuan setingan datang.

Kadar pertumbuhan penduduk Wilayah Persekutuan 7% dan setengahnya adalah dari mereka yang datang ke Kuala Lumpur ini hendak mencari kehidupan baru, hendak mencari peluang-peluang untuk perniagaan walaupun Kuala Lumpur ini sudah diketahui terlalu sesak, sudah tak selesa, sudah tak sedap kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi masih ramai orang datang ke Kuala Lumpur kerana Kuala Lumpur ini satu-satunya tempat bagi mereka itu di mana mereka boleh mencari satu cara hidup yang baru ataupun mencari peluang-peluang untuk mendapat pekerjaan di Kuala Lumpur. Dan kita pula diminta supaya kepada setingan-setingan ini kita bertimbang rasa, dalam mengendalikan hal-hal mereka mesti berperniagaan. Dalam apa yang kita usahakan sekarang ini, saya ingat kita sudah lebih daripada generous. Sudahlah mereka itu bersetingan, diberi pula segala kemudahan, diberinya api, tentu Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah hendak tahu—api ini memang diberi, kita akan adakan bekalan air melalui paip-paip umum dan kita keluarkan bayaran bagi penggunaan air (water consumption) itu, bilnya kita bayar, kita tidak meminta mereka bayar dan kita mengadakan rancangan memberi bekalan elektrik—kita bayar, bukan mereka yang bayar. Kita memberi segala kemudahan, mengadakan surau, mengadakan dewan orang ramai, memperbaiki jalan, buat macam-macam sehingga kampung-kampung lama yang ada dalam Wilayah Persekutuan ini sudah komplek mengapa kawasan setingan yang mereka katakan kawasan haram itu lebih diberi kemudahan daripada kawasan kami yang lama, kawasan kampung yang penduduk-penduduknya mempunyai tanah yang bergeran.

Sehingga ada pula antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang menulis kepada saya yang mengatakan tidakkah dengan tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan sekarang ini memberi segala kemudahan kepada setingan menggalakkan orang bersetingan dan menggalakkan lebih ramai lagi orang datang ke Kuala Lumpur untuk bersetingan. Boleh jadi

ada betulnya Kuala Lumpur ini tidak boleh dipagar, Kuala Lumpur ini adalah Ibu Kota negara kita. Semua rakyat boleh datang ke sini. Tidak ada satu undang-undang yang memaksakan kita mesti keluaran permit, visa dahulu, baru masuk Kuala Lumpur. Kuala Lumpur tidak boleh dipagar daripada rakyat untuk datang ke sini, sama ada datang berkereta, sama ada datang berlori atau menaiki bas ataupun sama ada berjalan kaki dan datang ke sini untuk melancung, datang ke sini untuk berniaga ataupun datang ke sini untuk duduk secara bersetingan.

Kita memang menyedari bahawa apa yang kita usahakan sekarang ini ada attraction seumpama itu tetapi ini tidak bermakna bahawasanya kita mahu melihat yang hidup cara bersetingan itu berkekalan, itu bukan tujuan kita. Kita tidak mahu melihat, kerana itu menyalahi undang-undang. Tetapi kita juga ada perasaan, peri kemanusiaan, kita juga bertimbang rasa dan kita tidak mahu melihat bahawa ramai orang-orang daripada luar bandar datang ke Kuala Lumpur ini mendiami dalam kawasan-kawasan yang terbiar, kawasan-kawasan yang kotor, kawasan-kawasan yang boleh menyebabkan merebaknya penyakit. Kita tidak boleh membiarkan. Dan kita menyedari bahawa apa yang kita jalankan, ini kalau diteliti betul-betul adalah menyalahi undang-undang seperti mana yang dituduh, dianggap oleh setengah-setengah pihak.

Tindakan yang sebaiknya ialah menghapuskan mereka, bawa bulldozer, bawa askar, halau keluar. Tetapi itu bukan penyelesaian dan Kerajaan tidak bertindak secara itu. Kerajaan bertindak dengan penuh sebar, dengan berhati-hati, dengan penuh bertimbang rasa sambil menyedari bahawasanya keadaan dan kedudukan mereka secara bersetingan itu mesti diperbaiki dengan serta-merta dengan mengadakan rancangan perumahan kos rendah secara besar-besaran, dengan memberi kemudahan yang lain-lain kepada mereka. Inilah yang kita usahakan sekarang ini. Kalau yang inipun tak betul, saya pun tak tahulah apa lagi yang lebih betul. Kalau inipun kurang timbang rasa, saya ingin mendapat cadangan, apakah cadangan yang lebih mencerminkan perasaan timbang rasa daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan.

Kemudahan sosial juga satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan semua yang bangun mengambil peranan dalam bahasan mengenai Belanjawan Kementerian ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mengadakan kemudahan-kemudahan sosial yang lebih banyak, sama ada di kawasan setinggan, sama ada di kawasan-kawasan rumah pangsa, di flat-flat baru. Kita sekarang ini ada pelan untuk pembinaan rumah-rumah pangsa baru, kita memang sediakan kemudahan-kemudahan yang berbagai, kemudahan untuk riadah, kemudahan untuk orang berkumpul seperti mengadakan dewan orang ramai, dan mengadakan dewan multi-purpose untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk rumah pangsa itu mengadakan acara sukan secara indoor, kita beri juga kemudahan untuk ibadat. Jadi ini adalah improvement atau usaha-usaha ke arah memperbaiki lagi pemberian kemudahan sosial kepada penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan. Bagi kawasan-kawasan perumahan yang dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya itu sudah semestinya kawasan lapang, kawasan rekreasi dikhaskan, diadakan dan dirancang dan bagi perumahan yang dilaksanakan oleh swasta juga kita mensyaratkan supaya kawasan-kawasan lapang itu diadakan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah pun boleh dianggap orang Wilayah Persekutuan juga, kerana dia ada rumah di Bandaraya Kuala Lumpur yang mana di situ ada satu rancangan perumahan swasta yang begitu besar dan kemudahan-kemudahan untuk riadah, kawasan-kawasan lapangan pun ada. Selain daripada itu untuk mereka yang duduk di luar daripada kawasan-kawasan rancangan perumahan, kita adakan dewan serbaguna yang telah dibina oleh Dewan Bandaraya di merata-rata kawasan dan dewan serbaguna ini memang untuk serbaguna, untuk perjumpaan-perjumpaan sosial, untuk mengadakan perlawanan-perlawanan atau pertandingan-pertandingan sukan secara indoor, dewan-dewan ini besar dan sekarang ini kita merancang supaya dewan-dewan serbaguna ini ditambah bilangannya.

Tentang menggunakan padang-padang sekolah seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah, sekarang inipun dengan kerjasama daripada Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan, padang-padang sekolah yang ada dalam

Wilayah Persekutuan ini biasa digunakan untuk kegiatan-kegiatan sukan yang dirancang oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan sekolah itu. Jadi padang-padang sekolah tak semestinya dikhaskan ataupun dihadkan penggunaannya sentiasa kepada keperluan sekolah-sekolah yang berkenaan. Dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga sedang merancang dalam Wilayah Persekutuan ini untuk mengadakan satu kompleks sukan yang besar. Saya tak payahlah menerangkan perkara ini, mungkin dalam Belanjawan mengenai Kementerian itu Menteri yang berkenaan akan menyebut tentangnya.

Satu perkara yang berhubung dengan melaksanakan projek-projek kecil dalam Wilayah Persekutuan, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan tadi adakah benar pelaksanaan projek-projek ini di bawah peruntukan Ahli-ahli Parlimen. Sebenarnya dalam Belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan tidak diperuntukkan apa-apa wang untuk mana-mana Ahli Parlimen, sama ada dari Barisan Nasional ataupun dari Pembangkang, untuk dibelanjakan bagi projek-projek kecil. Ini disebutkan bagi menunjukkan beban kerja sebenarnya, beban kerja yang berbangkit akibat daripada permintaan-permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Wilayah Persekutuan ini untuk mengadakan sesuatu perkara, sesuatu projek yang mereka fikirkan perlu dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga biasa membuat permintaan untuk membuat itu dan ini dan kita tahu dan ini adalah diperuntukkan dan dibelanjakan daripada peruntukan biasa yang ada dalam Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Chan Teck Chan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Beri.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini bererti bahawa Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional tidak diberikan satu peruntukan yang berjumlah \$100,000? Itu soalan pertama.

Kedua, ialah mengenai Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli Parlimen dari DAP akan diperuntukkan permintaannya atas projek-projek yang berkenaan. Jika ini adalah merupakan satu dasar maka adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia menulis surat kepada Ahli-ahli Parlimen dari DAP supaya permintaannya juga akan dilulus dan dipertimbangkan?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak ada wang dan tidak ada peruntukannya untuk diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen sama ada dalam Barisan Nasional ataupun bukan Barisan Nasional dan tidaklah menjadi amalan Kementerian Wilayah Persekutuan menulis kepada mana-mana Ahli Parlimen untuk menyedarkan mereka tentang tanggungjawab-tanggungjawabnya, memintanya, merayu kepada dia, tolong minta itu, tolong minta ini untuk kami luluskan, tidak pernah dibuat kepada siapa pun dalam Wilayah Persekutuan. Itu adalah terpulang kepada mereka yang menjadi Ahli Parlimen yang diharapkan menyedari tentang tanggungjawab mereka kepada rakyat.

Itulah jawapan saya kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan itulah jawapan saya kepada teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi tahun 1981. Saya mengucapkan sebanyak terima kasih atas segala teguran yang telah dibuat dan atas segala sokongan yang telah diberikan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$7,665,100 untuk Maksud B.24 menjadi sebahagian daripada Jadual hendaklah dipersetujui. Begitu juga soalnya ialah Belanjawan di bawah Maksud P.24 berjumlah \$127,996,534 iaitu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 1981 diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,665,100 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$127,996,534 untuk Maksud P. 24 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B.26 (Jadual)—

Maksud P.26 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang ini Maksud B.26 berjumlah \$279,222,900 dan Maksud P.26 berjumlah \$927,325,226 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.15 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyenutuh Maksud B.26, Perkara 1100, Butiran 4, muka surat 189 iaitu mengenai Pembangunan Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, pernah satu masa dahulu projek pembangunan luar bandar ini telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan pada akhir-akhir ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini tugas-tugas pembangunan luar bandar telahpun diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dengan tugas-tugas yang tertentu. Namun demikian tugas pembangunan luar bandar daripada aspek asal tetap juga kekal walaupun hanya kekal sebagai sebuah jabatan sahaja.

Perkara yang jelas kita lihat pada hari ini ialah pembangunan luar bandar ini dikendalikan oleh pihak Kemajuan Masyarakat sama ada dalam bentuk Kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak, Urusan Rumah Tangga, Kelas Membaca Rumi dan sebagainya.

Dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan bahawa pihak Kelas Kemajuan Masyarakat hendaklah mengadakan rancangan-rancangan atau projek-projek mengajar membaca dan menulis kepada murid-murid ataupun mereka yang belajar. Walaupun konsep asal Kemas ini ialah dilahirkan setelah timbul konsep membasmi buta huruf pada tahun-tahun 50an tetapi saya yakin dan percaya akhir-akhir ini Kemas dengan melalui kelas-kelasnya ataupun dengan melalui Pemaju-pemaju Masyarakatnya (PM) telahpun meluaskan bidang kuasanya pada perkara-perkara yang lain. Walau bagaimanapun, soal untuk memperkenalkan huruf untuk membolehkan orang-orang belajar yang kalau dapat dikatakan sebagai murid-murid dewasa ini selain daripada mereka itu diperkenalkan perkara-perkara lain, soal membaca dan menulis ini

janganlah diabaikan. Selain daripada itu, mungkin juga kita mengharapkan melalui Pemaju-pemaju Masyarakat (PM) dan melalui Kelas-kelas Kemas ini masyarakat di luar bandar terutama sekali hendaklah diperlengkapkan dengan berbagai-bagai penerangan sesuai dengan segala kemajuan yang berlaku di dalam negara pada hari ini.

Tuan Pengerusi, mungkin kita dapati di kawasan-kawasan luar bandar pada hari ini telahpun diresapi oleh TV, radio, suratkhbar dan sebagainya tetapi penyerapan akhbar-akhbar, radio atau televisyen terutama sekali daripada penggunaan oleh pihak-pihak penduduk-penduduk luar bandar tidaklah begitu meluas sehinggakan mereka yang mendiami di luar bandar ini dapat mengikuti segala perkembangan yang berlaku. Jadi saya adalah mencadangkan supaya Kemas dijadikan sebagai ejen penerangan oleh pihak Kerajaan sama ada mengenai Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian atau tentang apa perkara sahaja yang berlaku mengenai negara ini sama ada dalam bentuk kesihatan, bentuk ekonomi ataupun bentuk keselamatan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mohon berpindah kepada muka surat 201, Maksud P. 26, Butiran 111—Memandangkan Kemudahan-kemudahan Tambahan di kawasan KADA. KADA ialah Kawasan Kemajuan Pertanian Kemubu Kelantan.

Tuan Pengerusi, dengan adanya konsep KADA ataupun sejak KADA ditubuhkan beberapa tahun dahulu di Kelantan, kita telah nampak bahawa perbezaan dari segi taraf hidup rakyat di kawasan yang dinaungi oleh KADA dari segi pertanian itu adalah lebih baik. Pertamanya, kalau tak silap saya salah satu tujuan KADA ditubuhkan ialah untuk menaikkan taraf hidup dari segi ekonomi terutama sekali rakyat di kawasan KADA maka saya mencadangkan selain daripada KADA melihat perkara-perkara yang ada hubungan dengan soal pertanian, ternakan atau sebagainya maka KADA hendaklah juga melihat dari segi kemajuan sosial keseluruhannya di mana bidang-bidang ini tidak lagi diterapi atau tidak lagi dijalankan oleh agensi-agensi atau jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Misalnya, selain daripada KADA mengadakan soal-soal kemudahan, seperti soal parit dan taliair mengenai kawasan-kawasan yang berkenaan, mengadakan jalanraya kecil,

jalan kampung, mengadakan wakaf atau titi atau jambatan untuk melintasi taliair berkenaan. Saya juga mencadangkan supaya KADA melihat akan kemungkinan untuk membantu petani-petani di dalam masa mereka tidak terlibat secara langsung dalam soal pertanian yakni menanam padi. Mungkin juga kita dapati setengah-setengah kawasan KADA yang mana taraf pengairan yang tidak begitu memuaskan ataupun taraf keadaan perairannya tidak begitu banyak oleh sebab tanah di kawasan yang berkenaan itu agak lebih tinggi sedikit daripada kawasan-kawasan yang lain, mungkin kita meminta supaya KADA membenarkan penanaman tembakau di salah satu dua musim, walaupun di dalam kawasan KADA ini kebanyakan bendang-bendang boleh ditanam dua musim dalam setahun dengan tanaman padi.

Dalam masalah ini, Tuan Pengerusi, sekurang-kurangnya faedah yang perama kita dapati selain daripada mereka atau petani-petani itu terpaksa berkejar dengan soal air yang kekurangan dalam masa-masa yang tertentu.

Faedah yang kedua, kita dapati juga bahawa petani-petani dalam kawasan KADA akan dapat menikmati pendapatan yang lebih sedikit dari salah satu daripada dua musim yang berkenaan, kerana pendapatan daripada penanaman tembakau ini adalah sah dan ini tidak diragui lagi adalah lebih lumayan dan lebih baik dari hasil penanaman padi. Walau bagaimanapun kita dapati juga bahawa walaupun selepas pihak Lembaga Padi dan Beras Negara telahpun menaikkan subsidi padi daripada \$2 kepada \$10 sepikul, pada hemat saya dari segi pendapatan hasil dari penanaman tembakau ini lebih lagi atau masih lagi mengatasi pendapatan daripada penanaman padi. Dan seterusnya, dalam masalah mengadakan kemudahan tambahan di kawasan KADA ini mengingatkan bahawa kita pada hari ini menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh maka hendaklah juga diperhatikan oleh pihakberkuasa KADA supaya meninjau sejauh manakah kekurangan buruh yang didapati di kawasan-kawasan ini dapat mengakibatkan bahawa setengah-setengah kawasan KADA tidak dapat dimajukan dan kekurangan buruh-buruh hendaklah digantikan dengan perkara lain dari segi jentera dan sebagainya.

Di samping itu pula saya berhijrah kepada Butiran 113, masih dalam muka surat 201—P. 26 yakni Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara.

Di dalam butiran ini pihak Kementerian Pertanian telah memohon sebanyak \$15 juta. \$15 juta ini kalau dilihat di atas kertas adalah terlalu banyak tetapi kalau kita melihat di atas tanah (on the ground) dengan izin, maka jelas atau ketara sekali bahawa \$15 juta ini adalah tidak sebegitu banyak, kerana di dalam kawasan rancangan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara adalah terlalu banyak perkara-perkara yang perlu diadakan, misalnya terlalu banyak jalanraya, jalan kampung perlu diperbaiki, terlalu banyak jalan kecil yang perlu diperbesarkan, dan begitu juga perkara-perkara yang lain yang perlu diperbaiki dan diadakan. Di dalam masalah ini sesuai dengan Kementerian Pertanian ini, saya mencadangkan bahawa dalam projek Pembangunan Luar Bandar ini hendaklah juga diselaraskan dengan soal-soal perairan, soal perparitan atau drainage supaya banjir kilat yang kadang-kadang berlaku di setengah tempat tidak lagi berlaku. Tuan Pengerusi, kita selalu kedengaran bahawa banjir kilat ini berlaku di Kuala Lumpur tetapi sebenarnya masalah banjir kilat ini juga berlaku di kawasan-kawasan di luar Kuala Lumpur termasuk di kawasan Kelantan Utara sebagaimana tajuk di sini. Jadi saya minta supaya projek perparitan perlulah juga dikaitkan dengan masalah banjir kilat seperti mana pernah berlaku dalam masa dua tiga jam selepas hujan.

Selain daripada itu, saya juga mencadangkan di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara ini hendaklah juga kita adakan projek-projek kecil sebagaimana yang pernah dibuat oleh Pegawai Daerah sebagai sampingan (supplementary) kepada projek-projek kecil yang dijalankan oleh Pegawai Daerah sendiri. Dan selain daripada itu mungkin juga dengan kerjasama pihak Kementerian Kesihatan dalam bidang kesihatan boleh juga dijalankan di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kelantan Utara ini misalnya dengan bertujuan untuk mewujudkan rancangan air bersih, dengan bertujuan untuk mewujudkan keadaan kesihatan yang lebih selesa, mungkin pihak kesihatan dapat membekalkan sesuatu

perkara manakala dapat ditambah (supplement) oleh projek ini untuk mencukupkan projek-projek kecil seperti mana yang dibuat oleh pihak Kementerian Kesihatan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan supaya di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini oleh sebab kita dapati di kawasan luar bandar kemudahan rakyat untuk berkumpul, bermesyuarat dan sebagainya walaupun pada setengah tempat telahpun wujud balai raya, telahpun wujud dewan sekolah, telahpun wujud masjid-masjid atau surau-surau, jadi di mana perkara-perkara ini tidak wujud maka kemudahan awam itu atau kemudahan asas dalam bentuk balai raya atau sebagainya, hendaklah juga dijalankan di bawah kemudahan-kemudahan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Se'erusnya, Tuan Pengerusi, saya mohon meneruskan ke muka surat 206—P. 26, Butiran 221 Melatih Nelayan-nelayan.

Dalam P. 26, pihak Kementerian Pertanian telah memohon sebanyak \$744,384 sebagai peruntukan secara langsung anggaran tahun 1981. Saya tidak tahu sama ada ini akan dijadikan sebagai tambahan kepada sekolah melatih nelayan-nelayan yang ada pada hari ini ataupun bertujuan yang lain. Walau bagaimanapun di dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kementerian ini kalau pun belum lagi mempunyai matlamat atau target yang saya hendak cadangkan ini supaya menjadikan sasaran melatih nelayan-nelayan ini terdiri daripada golongan-golongan muda tanpa mengira sama ada mereka itu lulus SPM atau LCE atau SRP kerana apa yang kita risaukan, Tuan Pengerusi, bahawa sama ada di bidang pertanian ataupun di bidang perikanan, pertanian dalam bentuk menanam pokok atau sebagainya, termasuk padi dan juga dalam bidang perikanan, perkara yang kita risaukan untuk masa hadapan ialah sama ada pertanian dan bentuknya yang saya sebut tadi ataupun nelayan mereka itu akan menjadi satu "a dying race", dengan izin kita risaukan oleh sebab tarikan bandar, tarikan white collar job kepada masyarakat kita pada hari ini dan ditambah pula dengan 'bias' atau prasangka yang tertentu yang diletakkan oleh masyarakat kita kepada pekerja white collar job, maka apa yang dirisaukan ialah nelayan-nelayan pada masa akan datang sama seperti juga dengan penanam-penanam padi di masa

akan datang akan menjadi satu golongan yang akan lupus dan meluput dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, masalah nelayan ini tidaklah seberat mana masalah petani kerana saya diberi fahamkan bahawa adalah lebih baik kita mengurangkan bilangan nelayan asalkan nelayan yang wujud itu bilangannya kecil tetapi adalah golongan nelayan yang dapat mencari ikan atau untuk menjalankan pekerjaan mereka dengan cara yang lebih teratur, lebih baik dengan menggunakan kapal-kapal yang lebih besar dan menangkap ikan di lautan yang luas.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan hendaklah menjadi matlamat Kementerian ini supaya nelayan-nelayan yang hendak dilatihkan ini ialah nelayan-nelayan yang berpendidikan dan mereka ini hendaklah diambil daripada anak-anak nelayan-nelayan yang ada pada hari ini dan hendaklah menjadi matlamat bahawa mereka ini pada satu hari nanti akan diletakkan di atas kapal-kapal yang besar dan akan diharapkan supaya akan menjalankan, dengan izin, 'deep sea fishing.'

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya mohon berpindah kepada muka surat 209 masih P.26 yakni Butiran 268—Khutub-khanah Luar Bandar. Khutub-khanah Luar Bandar ini, kalau saya difahamkan betul adalah merupakan Khutub-khanah (library) selain daripada khutub-khanah yang dijalankan oleh pihak-pihak lain yakni khutub-khanah ini adalah khas khutub-khanah yang dijalankan oleh pihak KEMAS atau Jabatan Kemajuan Masyarakat kepada tiap-tiap negeri yang berkenaan.

Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, bahawa pemikiran yang agak serius hendaklah dijalankan dalam masalah pengwujudan Khutub-khanah Luar Bandar ini kerana adalah satu perkara yang biasa kita dengari daripada luar bandar bahawa kegemaran atau suasananya membaca di luar bandar itu adalah tidak begitu wujud sangat walaupun ada, tidak begitu memuaskan. Jadi adalah diharapkan melalui konsep Khutub-khanah Luar Bandar di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat ini hendaklah diperluaskan. Saya tidak tahu sama ada keterlalaian kalau saya mencadangkan di sini bahawa hendaklah menjadi matlamat kepada Jabatan ini supaya tiap-tiap kampung mempunyai sekurang-kurangnya satu khutub-khanah supaya ianya dapat memberi faedah kepada tiap-tiap

kampung yang berkenaan dan sudah tentu kalau kita mengadakan khutub-khanah di kampung-kampung ini maka hendaknya orang-orang yang mengendalikan khutub-khanah ini jangan hanya diharapkan kepada Pemaju-pemaju Masyarakat (PM) Jabatan KEMAS sahaja kerana tidak semua PM ini adalah terlatih dalam masalah khutub-khanah dan tidak sepatutnya kita membebankan tugas-tugas ini kepada PM-PM yang sepatutnya menjalankan kerja-kerja lain yang diberikan sebagai PM.

Berhubung dengan ini saya berpindah pula kepada Butiran 269 muka surat yang sama masih P. 26. Perkara yang ada hubungan dengan khutub-khanah ini ialah masalah Taman Bimbingan Kanak-kanak. Pernah minggu lepas ada satu pihak mencadangkan supaya pihak Kerajaan hendaklah mengkaji satu kaedah di mana diwujudkan Tadika bagi semua kanak-kanak yang akan memasuki darjah satu pada tahun yang akan datang. Saya mencadangkan bahawa cadangan ini boleh diambil oleh Jabatan Pertanian, cadangan ini hendaklah diambil oleh Jabatan Pertanian dengan mengadakan dan memperluaskan kemudahan-kemudahan Taman Bimbingan Kanak-kanak yang telahpun wujud di bawah Jabatan KEMAS yang ada pada hari ini, hanya Tuan Pengerusi adalah diharapkan sekiranya konsep hendak menyediakan kindergarten classes ataupun kelas-kelas sebelum memasuki darjah satu ini kepada semua kanak-kanak di negara ini maka hendaklah diwujudkan Taman Bimbingan Kanak-kanak ini berhampiran atau dekat dengan sekolah-sekolah di mana kemungkinan anak-anak itu akan masuk belajar ke tahun yang berikutnya. Dengan ini saya mencadangkan walaupun pada tahun ini pihak Kementerian hanya memohon sebanyak \$10 sahaja namun demikian dengan tanda \$10 ini boleh pihak Kementerian ini memberi kajian yang serius dengan masalah ini.

Tuan Pengerusi, sambutan rakyat kepada Taman Bimbingan Kanak-kanak di luar-luar bandar pada hari ini adalah memuaskan dan oleh sebab sambutan rakyat kepada TBK atau Taman Bimbingan Kanak-kanak anjuran KEMAS ini memuaskan maka hendaklah ianya diperluaskan supaya memberi peluang kepada setiap kanak-kanak yang mungkin memasuki darjah satu mempelajari di kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak sebelum mereka masuk sekolah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, adalah jauh berbeza di antara kanak-kanak yang pernah memasuki kelas kindergarten atau Taman Bimbingan Kanak-kanak apabila memasuki darjah satu dengan kanak-kanak yang tidak pernah mengenali TBK atau kindergarten sebelum memasuk Darjah I. Saya rasa kalau sekiranya Taman Bimbingan Kanak-kanak ini hendak dijadikan sebagai satu dasar umum meliputi seluruh negara maka ianya tidak semesti seperti mana saya katakan tadi diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran, boleh diletakkan di bawah Kementerian ini dan ianya hendaklah dijalankan dengan lebih meluas dan lebih teratur daripada apa yang terdapat pada hari ini. Misalnya di kelas-kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak yang wujud pada hari ini pihak KEMAS kalau saya tidak silap menyediakan guru-guru dan seorang pembantu dan peralatan-peralatan yang tertentu dan selepas daripada itu maka terpulanglah kepada Jawatankuasa yang mentadbirkan sekolah-sekolah atau kelas-kelas yang berkenaan sama ada hendak memperbaiki keadaan tempat masing-masing ataupun untuk memperkembangkan peralatan-peralatan yang terdapat di kelas-kelas TBK yang berkenaan, maka dengan cara yang demikian maka terpaksa lah ibubapa-ibubapa anak yang belajar di sekolah-sekolah atau kelas-kelas TBK yang berkenaan itu dikenakan sedikit bayaran. Jadi matlamat saya Tuan Pengerusi, apabila satu rangkaian TBK atau Taman Bimbingan Kanak-kanak yang dianjurkan oleh Kerajaan di seluruh negara maka ianya dapat diadakan sebagaimana juga kelas-kelas di sekolah-sekolah biasa dan pelajaran yang diberikan itu hendaklah percuma dan hendaklah juga dilengkapi dengan segala kemudahan-kemudahan yang sesuai dan menasabah dengan keperluan-keperluan TBK atau Taman Bimbingan Kanak-kanak yang tersebut.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Butiran 270—Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat. Kementerian ini memerlukan sebanyak \$400,000 untuk perkara ini. Boleh jadi apa yang dimasukkan dengan Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat ini adalah dimaksudkan dengan bangunan-bangunan yang baru dan kalau inilah yang dimaksudkan, maka saya mengesyorkan bahawa Pusat-pusat Kegiatan Masyarakat ini hendaklah didirikan

terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar dan di mana ianya yang pertama sekali jauh sedikit daripada sekolah-sekolah, jauh sedikit daripada balairaya-balairaya yang wujud, jauh sedikit daripada masjid, surau dan sebagainya kerana kemungkinan sekolah-sekolah, balairaya-balairaya yang wujud, masjid-masjid, surau dan sebagainya, boleh sekali-sekala dipergunakan oleh masyarakat luar bandar untuk faedah-faedah yang tertentu. Jadi di mana tempat-tempat yang jauh sedikit daripada wujudnya kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi maka hendaklah dijadikan sasaran Kementerian ini didirikan pusat-pusat kemajuan ini. Sekiranya dimaksudkan juga dengan peralatan-peralatan bagi pusat-pusat kegiatan Kemajuan Masyarakat maka saya mencadangkan bahawa sesuai dengan Butiran (Projek) 268 Khutub-khanah yang saya sebutkan tadi apabila hendak didirikan suatu pusat kegiatan Kemajuan Masyarakat maka hendaklah juga dihaskan satu ruang di mana buku-buku khutub-khanah boleh disimpan dan juga keadaan bangunan dan peralatan di dalam bangunan ini hendak disesuaikan selain daripada ianya sekali sekala dapat digunakan sebagai tempat perjumpaan orang ramai maka ianya boleh digunakan sebagai tempat-tempat anak-anak sekolah ataupun orang-orang dewasa datang membaca buku-buku yang diperalatkan; hasil daripada Butiran (projek) 268 yang dipohon sebanyak \$10 tadi.

Dengan beberapa pengesyoran yang telah saya buat tadi, saya menyokong permohonan yang diminta oleh Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

5.42 ptg.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 26 Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am yang berjumlah \$5,933,400.

Berhubung dengan perkara ini ialah yang mana pertanian adalah berhubung rapat dengan Pegawai-pegawai Daerah. Saya dapati setengah-setengah Pegawai Daerah tidak ada pengalaman langsung di bidang pertanian. Maka saya mengesyorkan di sini supaya tiap-tiap Pegawai Daerah itu mestilah mengambil kursus pertanian sebab dengan mereka mengambil kursus pertanian dapatlah mereka

menimbang ataupun memberi pendapat-pendapat berhubung dengan timbulnya masalah pertanian ini, di mana pihak orang-orang kampung kadang-kadang bertelagah dengan pihak Pegawai Parit dan Taliair bagi memutuskannya tentulah Pegawai Daerah mesti ada pengalaman, dapat dia menimbang dengan sempurna kehendak-kehendak orang kampung.

Sebagai contoh, seorang Pegawai Daerah—saya tidak mahu sebut namanya—bila timbul masalah pertanian ini tentang mengadakan jadual pertanian maka dia lazimnya menyokong kehendak-kehendak Pegawai Parit dan Taliair supaya diadakan tanaman serentak di kawasan yang luas. Ini tidak dapat dipraktikkan kerana keadaan tanah tidak sama dan kesesuaian padi pun tidak sama di antara satu mukim dengan satu mukim. Dengan sebab itulah timbulnya tanah terbiar sebab bila padi dituai, penanam-penanam padi berkehendakkan supaya terus menanam semula tetapi Pegawai Daerah mengikut nasihat Pegawai Parit dan Taliair supaya berhenti; dibuat serentak. Manakala berhenti maka kawasan itu dinaiki rumput yang tebal dan keadaan musim tidak sesuai lagi. Dengan sebab itu telah terbiar tanah-tanah itu dan dengan demikian menambahkan tanah-tanah terbiar semakin banyak. Jadi sepatutnya Pegawai Daerah dan Penolong-penolong Pegawai Daerah ini mestilah mempunyai pengalaman-pengalaman dalam masalah pertanian yang sepenuh-penuhnya.

Berkenaan dengan Aktiviti (2) (b) Parit dan Taliair yang peruntukannya adalah sebanyak \$8,028,130 saya harap Pegawai-pegawai Parit dan Taliair ini juga mesti ada pengalaman berkenaan dengan tanaman-tanaman yang sebenarnya. Sebab mereka kadang-kala tidak melayan kehendak-kehendak petani bila keadaan-keadaan yang tertentu timbul. Jadi ini juga menyebabkan tanah terbiar. Saya misalkan contoh pada satu musim di Seberang Prai pihak Parit dan Taliair telah menatakan bahawa ia akan stop bekalan air kepada petani-petani pemberitahu yang dikeluarkan itu ialah setelah petani-petani menabur dan mentrektorkan tanah masing-masing. Mereka telah mengeluarkan modal yang banyak, manakala tidak diberi air maka terhentilah dan benih padi pun jahanam; modal juga habis. Jadi dengan kerana stop satu musim atau satu group menyebabkan petani-petani juga meninggalkan tanah padi

itu sebab mereka kehilangan modal. Ini ialah kerana Pegawai Parit dan Taliair tidak memahami sepenuhnya-penuhnya keadaan tanaman dan penanam padi dengan sebab itulah dia bertindak sedemikian. Jadi Pegawai-pegawai Parit dan Taliair ini juga mustahak mempunyai pengalaman berkenaan dengan pertanian dan saya syorkan supaya di kawasan-kawasan tanaman padi ini diadakan satu Jawatankuasa Penasihat yang terdiri daripada penanam padi untuk menasihatkan Pegawai-pegawai Parit dan Taliair ini di tiap-tiap kawasan.

Satu perkara lagi berkenaan dengan parit dan taliair ini apa yang saya tahu setengah-setengah penjaga pintu air ini mereka tidak duduk di tempat yang ditempatkan pintu air. Jadi manakala datang hujan yang lebat, mereka duduk 6-7 batu; mereka tidak membuka pintu air itu menyebabkan air itu banjir ke sawah-sawah dan memusnahkan padi-padi. Ini saya harap supaya pegawai-pegawai yang menjaga pintu-pintu air ini mesti duduk di tempat yang ada pintu air itu supaya dapat mereka bertindak dengan segera manakala datang hujan yang lebat.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muka surat 195, Maksud P. 26, Butiran 3 iaitu berkenaan dengan MARDI. Saya berasa musykil sedikit kerana di Seberang Prai hari ini kawasan yang terbiar ini berjumlah hampir-hampir 4,000 ekar ataupun kurang. Sebab yang utama terbiar ini ialah kerana musuh padi iaitu tikus. Apa yang saya tahu hari ini tanah-tanah sawah ini telah ditinggalkan sehingga ke tepi kampung yang sepatutnya di tepi-tepi kampung dapat diusahakan oleh petani-petani tetapi mereka tidak dapat mengusahakan dengan sebab bila mereka berusaha dan keluar modal maka dibinasakan oleh tikus. Pada tahun ini di Seberang Prai boleh dikatakan tanah terbiar ini sampai ke gigi kampung. Mereka di sana sedang bertukar-tukar fikiran apakah yang mereka patut buat bagi mengatasi perkara ini dan ada timbul fikiran bahawa mereka mengatakan lebih baik tanam jagung dan berbagai-bagai lagi.

Dalam perkara ini saya harap supaya MARDI hendaklah bersungguh-sungguh mengkaji dan menyelidiki bagaimana boleh membinasakan tikus ini secara bersungguh-sungguh kerana sekarang tikus-tikus ini telah pindah daripada kawasan tengah kepada kawasan utara. Pada tahun ini kawasan utara

pula diserang tikus beratus-ratus relong dan di utara pula penanam padi telah berasa hampa dan tidak dapat menanam padi lagi dengan sebab bahaya tikus ini.

Dengan itu saya harap Kerajaan hendaklah bersungguh-sungguh mengkaji sama ada melalui MARDI dan lain-lain lagi, bagaimana hendak membasmi tikus ini. Kalau di zaman penjajahan British dahulu dia mengadakan upah kepada orang yang menangkap tikus ini misalnya di sekolah-sekolah itu dijadikan pusat dan guru akan bertanggung-jawab, mana murid-murid yang bawa tikus dibayar seekor satu sen, jadi kalau 10 ekor tikus 10 sen. Kalau hari ini Kerajaan buat sedemikian saya ingat boleh juga mengatasi sedikit sebanyak masalah ini tetapi bukanlah satu sen, misalnya 5 sen dan sebagainya. Pusat-pusat itu dikendalikan oleh guru-guru sekolah atau sesiapa juga yang menasabah atau Pengerusi JKKK dan sebagainya.

Masalah tikus ini saya nampak adalah satu masalah yang berat sekali kepada penanam-penanam padi di Seberang Prai dan mereka anggapkan tikuslah musuh penanam padi yang utama sekali yang menyebabkan tanah-tanah padi hari ini telah terbiar begitu luas.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan P. 26 Butiran 70, 73—79. Rancangan Taliair Negeri-negeri.

Saya harap rancangan Taliair Negeri-negeri ini hendaklah dibuat sesuai dengan keadaan moden sekarang. Saya maksudkan ialah sebagaimana saya selalu tegaskan di sini ialah tanah-tanah sawah terdapat dalam beberapa mukim, di dalam satu district tanah-tanah itu tidak begitu sekata dan tidak boleh sama cara masuk air dan cara buang air. Dengan cara yang ada ini manakala kita hendak masukkan air, air tidak dapat masuk dengan sempurna ke semua kawasan. Manakala membuang air juga tidak kering sempurna semuanya, lebih-lebih lagi taliair yang ada hari ini ialah warisan penjajah. Penilaian pada masa yang lampau ia menggunakan terusan bekalan air ini (irrigation) juga sebagai parit buang air. Dibuatkan taliair ini di kawasan tanah yang dalam. Tidak dibuat di atas tanah-tanah yang tinggi. Di samping itu diadakan juga parit buang air yang kecil-kecil. Ini tidak sesuai lagi dengan penanaman padi dua kali setahun sebab yang saya perhatikan bahawa penanam padi banyak yang mengadu di musim hujan

mereka tidak dapat mengeringkan sawah. Tidak dapat mengeringkan sawah itu menjadi satu masalah yang besar sekali kepada penanam-penanam padi. Misalnya, dalam tahun ini setengah-setengah kawasan dalam kawasan saya padi cukup cantik. Saya ingat boleh dapat dekat 1,000 gantang seekor tetapi terbiar tidak dapat diambil sebab padi bila baik, cantik, bila ia menguning dia rebah, dia rapat ke tanah dan air tidak dapat dikeringkan. Jadi musnahlah ia.

Tuan Pengerusi: Itu rasmi padi, ia makin berisi, makin tunduk.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Ya, ia makin berisi, makin tunduk. Inilah masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar oleh petani-petani, apabila padi elok padi itu rebah ditenggelami air maka musnahlah ia dan dibiarkan begitu sahaja. Kalau diupahpun tidak dapat modal balik. Dengan sebab itu, saya syorkan supaya taliair itu hendaklah dibuat dengan simen di atas paras muka tanah dan parit buang air di bawah paras muka tanah. Jadi bila sawah itu hendak dimasukkan air boleh dimasuki, bila hendak dikeringkan boleh dikeringkan. Begitulah supaya tanah itu dikeringkan dia kering dapat digunakan jentera menuai padi dan pada masa kita hendak turun ke sawah dapat kita gunakan jentera (traktor).

Macam hari ini tidak dapat digunakan traktor kesemua kawasan sawah sebab tanahnya dalam, tanahnya lembut tetapi bila kita boleh keringkan, maka boleh kita gunakan traktor pada masa hendak menanam padi dan boleh kita gunakan traktor pula pada masa hendak menuai padi sebab tanah itu kering dan padi rebah sekali pun tidak rosak boleh dituai dengan jentera. Itulah syor saya supaya Kementerian Pertanian mengambil perhatian. Ini ialah supaya menjadi pertolongan kepada kekurangan tenaga dan juga supaya dapat menyelamatkan hasil padi, misalnya, orang yang menanam padi 5—6 ekar itu manakala buah padi mereka ditenggelami air saya lihat mereka serba salah macam "kucing jatuh anak", gelisah, tidurpun tak lena. Cari buruh tidak dapat, hendak buat sendiri tak terdaya, akhirnya terbiar begitu sahaja sampai 5—6 ekar. Modal keluar banyak hasil tidak dapat diambil.

Jadi, saya harap sistem parit dan taliair disesuaikan pada masa akan datang ini supaya air itu boleh dikontrol. Masa ia

hendak dimasuk boleh dimasuk dan masa ia hendak dikering boleh dikering. Itu berkehendakkan perbelanjaan yang banyak dan saya harap kalau Kerajaan ingin supaya kita dapat menghasilkan padi yang cukup, maka tidaklah patut Kerajaan memikirkan bahawa belanja yang banyak itu akan sia-sia sahaja.

Kalau kita menjalankan secara moden membahagi-bahagikan sawah kepada 50 ekar satu kawasan yang boleh dikontrol air, saya ingat tidak menjadi masalah kalau kita membuat berperingkat-peringkat padi ini. Hari ini tidak boleh di buat berperingkat-peringkat kerana air diberi sekata dan mesti tanam dengan sekaligus. Tetapi kalau kita buat berpetak 50 ekar atau 60 ekar boleh kontrol air, dikering masing-masing dan dimasukkan air masing-masing, saya ingat itu satu perkara yang boleh meringankan bebanan penanam-penanam padi. Manakala diperbuat demikian akan terlaksana jalan-jalan untuk pergi balik ke sawah kerana saya percaya batas (bund) itu akan menjadi jalan. Tetapi macam hari ini sampai 1,000 ekar, 500 ekar tidak ada jalan untuk membawa padi keluar, itu satu masalah lagi kerana hari ini upah pukul padi sahaja \$2 seguni, bawa dari sawah ke kampung pula \$4 seguni kalau yang jauh ke tengah. Jadi penanam padi tidak mendapat pendapatan apapun sekalipun Kerajaan memberi subsidi hari ini. Lebih-lebih lagi kalau kawasan-kawasan sawah itu tidak mempunyai jalanraya sebagaimana yang tersiar di suratkhobar mereka terpaksa menarik dengan kerbau. Kerbau sekarang sudah kurang jadi terpaksa kawasan sawah seperti ini Kerajaan mesti anggapkan sebagai sebuah kampung juga mesti ada jalannya.

Saya tidaklah hendak memanjang perkara ini cuma saya menyentuh perkara-perkara yang tidak dicakapkan lagi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sekianlah sahaja, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

5.56 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh maksud Bekalan P. 26, Butiran 4 (iii) Perusahaan daging/Ternakan, muka surat 195.

Sekarang ini terdapat beberapa pusat ternakan lembu/kerbau, baka yang diimport dari luar negeri. Kita berasa sedih bahawa harga daging sentiasa naik dan melambung tinggi.

Pada masa dahulu pernah kita dengar bahawa harga daging tidak akan naik tetapi penjual-penjual daging tidak mengindahkan seruan itu. Majuternak juga tidak dapat berbuat apa-apa dalam soal meletakkan harga daging ini. Penjual-penjual daging mengambil kesempatan semasa musim perayaan hari raya untuk menaikkan harga daging itu. Biasanya selepas musim perayaan harga itu akan turun semula tetapi ia tetap dengan harga yang dinaikkan dan hingga sekarang harga sekati daging tidak kurang daripada \$5. Suri-suri rumahtangga kebanyakan mengeluh, akibatnya orang-orang yang berpendapatan kecil sukar sekali untuk membeli daging disebabkan harganya sentiasa naik. Apa yang mendukacitakan kita ialah seolah-olah Majuternak tidak dapat mengontrol harga di pasaran. Ini menyebabkan penjual-penjual daging menetapkan harga daging sebegitu tinggi.

Saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan supaya Majuternak sebagai satu agensi Kerajaan diberi kuasa sepenuhnya untuk mengontrol harga daging. Apabila ianya dapat dikontrol di pasaran maka harga-harga daging tidak begitu melambung tinggi. Apabila ini dapat dilakukan orang ramai tentu dapat membelinya.

Tuan Pengerusi, kita berkehendakkan rakyat yang sihat. Orang ramai perlukan daging untuk menambahkan kesihatannya. Kesihatan yang sihat dapat memberi tenaga yang kuat untuk mereka bekerja dengan lebih kuat lagi. Kita berterima kasih sekiranya Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah yang tegas dan berani untuk membetulkan harga daging di pasaran di seluruh negara supaya ianya tidak sentiasa naik seperti yang ditetapkan oleh penjual daging dengan sesuka hati mereka.

Tuan Pengerusi, saya tidaklah hendak bercakap lebih panjang sebagaimana sekarang ini, dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih sekiranya pihak Kementerian dapat membetulkan harga-harga daging supaya dapatlah orang ramai membeli daging seberapa yang murah. Apa yang terdapat sekarang ini penjualan daging daripada Majuternak hanyalah di sekitar bandaraya

Kuala Lumpur sahaja sedangkan di negeri-negeri lain naik dengan melambung tinggi sekali. Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

6.00 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya sukacita mengambil bahagian dalam perkara Maksud B. 26 iaitu Butiran 1100 yang bertajuk Gaji dan Upahan, Aktiviti 3 (a) Perikanan.

Dalam masalah perikanan ini, Tuan Pengerusi, saya dapati di sini pegawai atau perjawatan pada tahun 1980 ada 1,588 manakala pada tahun 1981 ini hanya bertambah sedikit sahaja. Saya rasa tentulah masalah perikanan ini perlu ditambah lagi pegawainya dan juga perlu peruntukan yang lebih besar daripada yang disediakan ini kerana masalah perikanan di dalam negara kita ini telah menjadi dua bahagian. Yang pertama, ialah Bahagian Laut dan yang kedua ialah Bahagian Darat.

Dalam bahagian perikanan di laut, banyak masalah-masalah yang telah timbul mungkin juga satu daripadanya kurangnya pegawai di dalam bahagian perikanan iaitu pegawai yang dimaksudkan itu ialah pegawai yang mengendalikan masalah nelayan-nelayan ini bagi melaksanakan hasrat mereka sehingga berjaya mendapat faedah yang sepatutnya. Kerana sepanjang yang kita ketahui Pegawai Perikanan ini bolehlah dikatakan kurang sangat yang mengawasi nelayan hingga sampai ke peringkat mereka menjalankan tugas di laut. Kalau kita bandingkan dengan Pegawai Pertanian yang mengawasi petani-petani di darat seperti pesawah dan juga petani-petani yang bercucuk tanam di kebun kelapa dan kebun sayur, mereka dapat mengawasi petani-petani ini hingga terus ke tempat bekerja. Tetapi bagi pegawai-pegawai yang mengawasi masalah nelayan-nelayan yang berhubung dengan perikanan ini, hanya mereka memberikan nasihat di waktu bukan nelayan itu menjalankan usahanya di tengah laut. Kalau boleh atau seboleh-bolehnya patut Kementerian ini mengadakan pegawai yang dapat terus mengikuti nelayan ini ke tengah laut bagi menunjukkan bagaimana caranya secara langsung supaya

nelayan-nelayan kecil ini berjaya menjalankan kerjanya hingga mendapat hasil yang memuaskan. Dengan sebab itu, saya sukacita memohon supaya Kementerian ini dapat menyemak dan menambah dari semasa ke semasa pegawai yang patut diadakan bagi mengendalikan hal ini.

Yang kedua ialah pegawai-pegawai yang berhubung dengan ikan darat. Di sini saya sukacita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertanian yang mengendalikan masalah ini, memang pegawai-pegawai ini ada kita dapati terus memberi tunjuk ajar bagaimana cara hendak mengendalikan perusahaan ikan darat ini sehingga mendapat hasil dari satu masa ke satu masa. Apa yang diharapkan ialah supaya perusahaan ikan darat ini hendaklah dipelbagaikan iaitu bukan sahaja ikan darat yang merupakan kolam tetapi usaha kita menjayakan perusahaan bahagian perikanan ini dengan menternak berbagai-bagai jenis bahan yang merupakan sampingan ikan iaitu ketam dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, saya tertarik hati dengan satu dua hujjah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat rakan saya tadi yang ada hubungan dengan perkara menggalakkan kanak-kanak menangkap tikus bagi menghapuskan tikus. Saya berpendapat kalau ini digalakkan ada kemungkinan kanak-kanak tidak akan menumpukan perhatian dalam pelajaran kerana dia berusaha bagi menangkap tikus untuk menggembirakan hatinya bagi mendapatkan wang. Saya harapkan Kementerian Pertanian tidak memersetujui rancangan membiarkan kanak-kanak menangkap tikus-tikus untuk memusnahkan tikus. Carilah cara-cara lain yang lebih baik daripada cara ini.

Tuan Pengerusi, ada satu hujjah lagi, maafkan saya ini yang akhir, iaitu mengadakan petak-petak sawah yang berasingan dengan masa menanam padi. Saya berpengalaman di Tanjong Karang, dengan adanya petak sawah 200-300 ekar atau 500-600 ekar berlainan dengan satu petak lain yang 500-600 ekar juga; ini menyebabkan musuh padi tidak dapat dimusnahkan. Jadi ini juga satu cara yang patut tidak diikuti. Jikalau ini diikuti musuh padi itu akan berpindah daripada satu kawasan yang ada anak padi dan

berpindah ke satu kawasan lain pula apabila padi ini dipotong. Oleh sebab itu, saya rasa perkara ini tidaklah patut diikuti.

Sekianlah sahaja yang dapat saya perkatakan untuk mengambil bahagian di dalam Kementerian ini dan saya menyokong cadangan supaya peruntukan Kementerian ini diluluskan.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.05 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya sama-sama bangun untuk mengambil bahagian dalam menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Pertanian. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Kementerian ini khasnya pegawai-pegawai yang berkhidmat di negeri sama ada dalam pertanian, taliair dan haiwan.

Saya hendak menyentuh, Tuan Pengerusi, muka surat 189, Butiran 1100 B. 26 Aktiviti (1) Pentadbiran Am yang berkehendakkan peruntukan sejumlah \$5,933,400. Dalam hal ini saya suka menarik perhatian pihak Menteri yang berkenaan iaitu di dalam melaksanakan tugas-tugas bukan sahaja kita berkehendakkan pengetahuan yang begitu mendalam dalam hal pentadbiran dan sebagainya tetapi juga adalah yang penting kita menghasilkan sesuatu tujuan adalah juga pegawai-pegawai hendaklah memahami kemahuan dan pendapat petani-petani tempatan. Umpamanya, Tuan Pengerusi, saya beri contoh banyak projek yang telah dilaksanakan di negeri Perak khasnya dalam kawasan saya, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan yang begitu banyak di dalam hendak memajukan pertanian. Umpamanya di dalam pembinaan empangan parit taliair yang moden akan tetapi hasilnya tidak dapat dinikmati oleh pihak petani-petani. Saya memberi contoh umpamanya di dalam kita hendak mencejair kemajuan sains dan teknologi, pegawai-pegawai telah mencuba satu pendapat baru, parit-parit dan taliair yang ada di sawah di luar bandar sekarang dibuat dengan cara parit simen. Iaitu tiap-tiap lima jalur petak sawah diadakan satu sekatan dan parit-parit itu dibuat secara menyerong ke bawah. Ini mengikut pengalaman pegawai-pegawai daripada Jabatan

Pertanian dan Parit dan Taliair iaitu bagi mengelakkan supaya air yang tidak cukup masa ini dapat digunakan dengan sepenuhnya. Tetapi di dalam pengalaman kita pihak petani-petani di kampung mereka tidak berkehendak parit taliair yang dalam sebagaimana yang dikehendaki oleh Jabatan Parit dan Taliair supaya air itu dapat disekat baru dapat dimasukkan ke dalam sawah mengikut sawah ini kemudian masuk ke sawah yang lain. Tetapi petani dia tidak berkehendakkan air yang dalam, tetapi yang dikehendakinya parit itu lebih tinggi sekurang-kurangnya sama dengan sawahnya.

Di dalam masalah ini bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh tadi di dalam hendak menyelesaikan masalah ini ialah pihak Pegawai Daerah. Sedangkan Pegawai Daerah sendiri tidak ada pengalaman di dalam soal ini maka jadilah persepilihan faham di kampung-kampung di dalam hendak menegakkan pendapat masing-masing. Akhirnya kebanyakan parit dan taliair serta empangan yang dibina itu tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya. Dengan sebab itu saya mencadangkan kepada pihak Kementerian ini supaya pendapat atau fikiran, pengalaman yang ada pada petani-petani di kampung-kampung itu hendaklah disesuaikan dengan pendapat-pendapat secara baru yang ada pada pihak pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita yang terlatih di dalam pelajaran yang dipelajarinya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, di dalam melaksanakan tugas ini, saya dapati dalam negeri Perak khasnya dalam kawasan saya seseorang pegawai yang mengendalikan satu kawasan ini terlalu besar kawasannya yang ditadbirkan. Saya bagi contoh, Jabatan Parit dan Taliair Perak Tengah, mengendalikan 4 kawasan Parlimen Padang Rengas, Kuala Kangsar, Gerik dan Sungei Siput yang meliputi 2 daerah dan 3 daerah kecil, hanya seorang Jurutera Parit dan Taliair sahaja. Jadi, dengan sebab itu pegawai ini penuh masa dengan menghadiri mesyuarat sahaja. Saya mencadangkan supaya Jurutera Parit dan Taliair ini hendaklah diadakan bagi satu daerah seorang. Jadi, sepatutnya pada hari ini sebagaimana telah dibuat oleh jabatan-jabatan lain umpamanya Haiwan, satu daerah seorang, saya cadangkan supaya Jurutera Parit dan Taliair ini hendaklah diadakan bagi Daerah Ulu Perak.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh B. 26 lagi, Butiran 1100, Program (2) (a) Pertanian, peruntukan sebanyak \$17,698,140 iaitu masalah sawah-sawah yang terbiar. Masalah sawah yang terbiar ini sudah menjadi suatu masalah besar bagi negara kita. Di dalam kawasan Parlimen Padang Rengas sendiri setakat ini lebih kurang 2,000 ekar sawah yang telah tidak diusahakan sama ada sebahagian daripadanya sememangnya kerana tidak ada air dan sebahagiannya ada air tetapi tidak ada pekerja-pekerja, maka saya mencadangkan supaya pihak Kementerian mengambil suatu tindakan yang lebih tegas bagi diusahakan sawah-sawah yang terbiar ini supaya tidak menjadi suatu masalah yang besar. Saya faham bahawa Kementerian ini telah menguntukkan wang yang banyak untuk hendak memajukan sawah-sawah yang terbiar ini tetapi saya tidak begitu faham adakah semua sawah-sawah yang ada di pendalaman ini termasuk dalam kajian yang telah dicadangkan oleh pihak Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, dalam masalah sawah terbiar ini, saya berterima kasih kepada pihak Jabatan Pertanian Negeri iaitu sebahagian daripada sawah-sawah yang ada di dalam kawasan saya ini telah cuba diubahsuai daripada tanaman padi kepada tanaman lain. Umpamanya, ada setengah kawasan setakat ini 30 ekar daripada kawasan sawah dalam kawasan saya telah diubahsuai dengan tanaman mempelam, setakat ini hasilnya boleh dikatakan memuaskan. Jadi percubaan ini berhasil. Saya mencadangkan supaya diperluaskan lagi. Selain daripada itu ada 200 ekar sawah yang terbiar dalam kawasan saya, pihak RISDA telah mengambil alih, menukar syarat dan menjadikan kawasan penanaman kelapa sawit. Mengikut keterangan daripada pihak-pihak yang berkenaan bahawa tanaman kelapa sawit di dalam kawasan sawah ini adalah sesuai dan mendatangkan hasil yang banyak dan tidak berkehendakkan banyak pekerja-pekerjanya dan dalam usahanya tidaklah begitu merumitkan. Jadi, kalaulah perkara ini benar berhasil, saya mencadangkan supaya kawasan-kawasan sawah yang boleh ditanam dengan kelapa sawit, mempelam dan sebagainya, hendaklah dipergiatkan lagi.

Begitu juga sebahagian daripada sawah-sawah yang ada dalam kawasan saya, pihak Jabatan Perikanan Negeri telah menukar syarat dengan kerjasama daripada Pegawai

Daerah telah menjadikan sawah-sawah itu dengan kolam-kolam ikan air tawar. Setakat ini 96 buah kolam ikan air tawar telah dijayakan dalam kawasan saya dan banyak lagi sedang menunggu untuk dilaksanakan. Jadi, saya harap usaha ini pun hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh bagi mengelakkan supaya tanah-tanah sawah yang terbiar ini dapat dibaiki.

Tuan Pengerusi, ada setengah-setengah sawah pula Pejabat Pertanian Daerah telah mencuba menanam padi huma atau padi bukit. Jadi masalahnya ialah bagaimana pula kawasan-kawasan ini yang tidak mencukupi air dan tidak ada punca air ini kita dapat kering dengan sekering-keringnya kerana kadang-kadang dalam musim hujan walaupun tidak ada air daripada parit dan taliair tetapi air hujan menakong dan mungkin mengendalakan tanaman ini. Jadi, saya harap usaha untuk menanam padi darat atau padi bukit ini dapat digalakkan di mana-mana kawasan yang patut.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh pula muka surat yang sama juga iaitu Program (2) (b) Parit dan Taliair. Saya berharap supaya Jabatan Parit dan Taliair dapat mendalami, melurus parit-parit atau sungai-sungai kecil yang banyak terutama sekali dalam kawasan saya iaitu bagi mengelakkan daripada banjir kilat.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, dalam bulan ini sahaja beberapa kali jalanraya di antara Kuala Kangsar dan Ipoh, Chemor dan sebagainya tidak dapat dilalui oleh kerana parit atau anak-anak sungai yang tidak diluruskan atau pemendapan berlaku yang begitu cepat sekali di daerah itu dan begitu juga banyak tempat di antara Kuala Kangsar dan Gerik berlaku banjir oleh kerana sungai-sungai yang di bawah jagaan Jabatan Parit dan Taliair ini tidak dibela dengan sebaik-baiknya. Jadi, saya cadangkan supaya peruntukan yang banyak diberi untuk usaha melurus, mendalam dan membersihkan sungai-sungai kecil yang berhampiran dengan jalanraya ini dapat dilaksanakan bagi mengelakkan banjir kilat itu.

Akhirnya sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh berkenaan dengan muka surat yang sama Program (2) (c) Haiwan yang diperuntukannya sebanyak \$11,003,390.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Haiwan ini, saya menarik perhatian pihak Menteri yang berkenaan iaitu di dalam negeri kita ini terutama sekali dalam kawasan Daerah Ulu Perak didapati banyak kawasan-kawasan padang-padang ragut atau dipanggil bagan-bagan kerbau yang terbiar yang tidak diusahakan dengan suatu apa pun. Saya tidak begitu faham oleh kerana di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah banyak kali saya membangkitkan supaya tanah-tanah bagan-bagan ragut yang terbiar ini diberikan kepada petani-petani untuk menanam tanaman singkat masa tetapi mengikut penerangan yang diberikan bahawa mengikut peraturan pihak Jabatan Haiwan tidak boleh membenarkan tanah itu diusahakan kerana hendak digunakan untuk pemeliharaan kerbau lembu dan sebagainya tetapi oleh kerana kawasan-kawasan bagan-bagan ragut ini dipenuhi oleh hutan-hutan, pokok-pokok yang besar maka kerbau lembu dan sebagainya tidak dapat hidup dalam kawasan itu hanya binatang-binatang buas seperti harimau dan sebagainya ada di situ. Dengan sebab itu kerbau-kerbau dan sebagainya yang dipelihara oleh orang-orang kampung ini terpaksa lari tinggal di dalam kampung memusnahkan tanam-tanaman yang digalakkan oleh Jabatan Pertanian pula menimbulkan masalah masyarakat. Jadi, saya cadangkan supaya kawasan-kawasan ini dimajukan dengan tanaman-tanaman lain.

Umpamanya sebagaimana di dalam perbahasan yang lalu saya telah mencadangkan supaya kawasan ini ditanam dengan tanaman ubi kayu, kerana di negeri Perak usaha menanam ubi kayu ini satu perusahaan yang menguntungkan. Dengan adanya kemajuan pemeliharaan ikan dalam sangkar, ikan dalam kolam yang banyak dijalankan dalam kawasan saya umpamanya setakat ini lebih daripada 90 buah sangkar ikan air tawar di Tasek Chenderoh yang sekelilingnya banyak bagan-bagan ragut yang terbiar ini kalau ditanam dengan ubi kayu, saya rasa bukan sahaja isinya jadi hasil kepada negara kita tetapi daun-daun ubi kayu ini adalah menjadi makanan yang sangat penting kepada ikan-ikan pemeliharaan ini, oleh kerana pada tiap-tiap hari satu kolam atau sangkar ikan air tawar ini berkehendakkan sepikul daun ubi kayu iaitu makanan yang paling baik sekali mengikut penyiasatan Jabatan Perikanan Negeri Perak jika diberi makan dengan makanan rumput dan sebagainya ubi

kayu adalah makanan yang baik sekali. Jadi, saya cadangkan supaya bagan-bagan ragut ini hendaklah dipulihkan supaya mendatangkan hasil dan tidak mendatangkan bahaya kepada petani.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong cadangan daripada Kementerian ini berkehendakkan peruntukan bagi tahun 1981.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pantli.

6.20 ptg.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning (Pantli): Tuan Pengerusi, saya juga bangun menyentuh beberapa perkara.

Pertama berhubung dengan Maksud B. 26, muka surat 189, Aktiviti (2) (b) Parit dan Taliair. Di sini saya suka mendapat penerangan yang jelas daripada Menteri yang berkenaan bila menggulung nanti kerana pada hari ini masih lagi di setengah-setengah daerah terdapat kekeliruan di antara parit JPT dengan parit JKR. Bila kita timbulkan perkara ini dalam Majlis Tindakan Daerah kadang-kadang tidak dapat kepastian yang mana satu parit JPT dan yang mana satu parit JKR dan biasanya pesawah-pesawah atau petani-petani berjumpa dengan kita, Wakil-wakil Rakyat, mereka terus kata ini JPT tidak buat atau JKR tidak buat. Sebenarnya mereka tak tahu yang mana parit JPT dan yang mana parit JKR. Kalau boleh saya cadangkan pihak JPT tandakanlah parit dia dan pihak JKR tandakan parit dia, masing-masing ada parit. Jadi yang JKR pun parit JKR dan JPT parit JPT, ini tidak mendedahkan kekeliruan kepada petani-petani.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Aktiviti (4) (a) Pembangunan Masyarakat atau apa yang kita kenali sekarang ini dengan Kelas KEMAS yang dipanggil Penyelia-penyelia Masyarakat. Pada mulanya saya tidak berapa tertarik hati dengan peruntukan yang diberi kepada pembangunan luar bandar berhubung dengan KEMAS ini sebab daripada masa-masa yang lalu saya dapati Bahagian KEMAS ini tidak berapa hendak menjalankan tugas.

Di dalam repot bulanan cukup muridnya sekian, kelasnya sekian puluh dan diberi laporan kepada tiap-tiap negeri untuk mendapatkan elaun, tetapi bila kita melawat ke

kawasan itu kita bertanya kepada pengundi ataupun penduduk di sana, katanya kelas ini sudah lama mati Yang Berhormat, tetapi bila kita tengok di peringkat Penyelia Daerah nampaknya berjalan terus.

Jadi untuk mengelakkan supaya wang tidak salahguna ataupun supaya mengelakkan tindakan-tindakan dikenakan kepada Penyelia-penyelia ini eloklah Kementerian ini mengawasi dengan rapi, tetapi oleh kerana akhir-akhir ini barangkali pihak KEMAS ini diletakkan di bawah Kementerian Pertanian saya tengok sudah banyak perubahan. Dengan sebab banyaknya perubahan, terutama sekali bila diadakan Kelas TABIKA (Taman Bimbingan Kanak-kanak) ini memberi faedah yang besar kepada kanak-kanak itu apabila hadir sekolah kerana di pihak Kementerian Pelajaran hari ini umpamanya masih lagi ada kelas-kelas rendah itu Kelas Merah. Ini saya menyentuh sedikit sebab ada hubungan, Tuan Pengerusi. Ada Kelas A Merah, A Biru, A Kuning. Jadi bila saya selidiki rupanya murid-murid yang mendapat didikan asas dalam TABIKA atau TADIKA dia masuk dalam Kelas A Biru, manakala murid-murid yang lembab yang langsung tidak mendapatkan pendidikan asas daripada TADIKA ini dimasukkan Kelas Merah ataupun Kuning.

Jadi selagi Kementerian Pelajaran mengamalkan dasar yang seumpama ini, selagi itulah Kelas TABIKA ini mustahak dan perlu. Kalau boleh di tiap-tiap kampung, sama ada kampung baru ataupun kampung tradisional diwujudkan kelas ini. Cuma saya difahamkan bagi mendapatkan P.M., dalam istilah mereka P.M. ialah Pemaju Masyarakat, untuk mendapatkan tenaga P.M. ini susah sebab saya difahamkan syaratnya terlalu ketat. Pertama, hendaklah kalau boleh daripada anak tempatan itu sendiri. Kedua, hendaklah lulus SPM. Biasanya bila murid-murid sudah lulus SPM mereka tidak mahu lagi hendak jadi Pemaju Masyarakat dengan gaji \$150 sebulan. Sudah tentu anak-anak kita yang dapat SPM ini mereka akan cari kerja yang sesuai dan layak dengan kelulusannya. Jadi sebab itu di setengah-setengah kampung tidak dapat diwujudkan Kelas-kelas TABIKA atau TADIKA atau Kelas Bimbingan ini sebab tidak ada anak tempatan yang sanggup atau yang layak untuk menjadi P.M. di situ.

Kalau boleh mulai tahun 1981 ini saya memberikan pandangan kepada Kementerian ini ditinjau kembali syarat-syarat itu janganlah terlalu ketat sangat, kalau boleh janganlah sampai SPM, kelulusan SRP pun memadai kerana hendak mengajar kanak-kanak yang setengah itu terpaksa dibawa ke tandas. Anak-anak yang masih berhingus tak perlu kita memintakan dia itu kelulusan SPM. Saya harap ini akan dapat perhatian daripada pihak Kementerian ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, memandangkan perkembangan kampung-kampung baru, terutama sekali dalam Skim FELDA dalam kawasan saya pada hari ini hanya terdapat antara 60 dengan 70 sahaja P.M. (Pemaju Masyarakat) dan seorang Penyelia Daerah. Bagi satu daerah Kota Tinggi yang luasnya lebih kurang 5 kali Pulau Singapura terdapat hanya satu Penyelia Daerah dan dua Penyelia Kawasan kalau tak silap saya dan antara 60 dengan 50 Pemaju-pemaju Masyarakat. Dengan peruntukan yang ada ini saya fikir tidak cukup kerana saya hendak mencadangkan kepada Kementerian mulai daripada tahun 1981 ditambah sehingga 100 orang kerana saya memandangkan begitu aktif mereka ini bekerja dan besar artinya kepada pembangunan masyarakat di luar bandar, terutama sekali kelas-kelas jahitan wanita walaupun mereka mengajar menjahit tetapi nampaknya jahitannya tak kemas, terbelah sana terbelah sini, terdedah sana dan terdedah sini. Ini barangkali saya tak salahkan KEMAS, itu barangkali fesyen hari ini yang mesti dibedah, kain yang elok-elok itu dibelah. Itu saya tak salahkan KEMAS, itu barangkali fesyen tetapi walau bagaimanapun kelas ini telah memberikan bimbingan yang baik kepada masyarakat di kampung-kampung kerana hari ini kalau orang kampung hendak belajar di bandar atau di kota-kota, sudahlah perjalanannya jauh belanja hendak belajar itupun mahal. Jadi dengan adanya kelas bimbingan, kelas jahitan, kelas masakan dan sebagainya itu memudahkan anak-anak kampung, terutama sekali anak-anak teruna di kampung itu tidak payah lagi ke bandar.

Saya harap pertimbangan daripada Kementerian ini selain daripada menambahkan pegawai-pegawai, saya harap gaji juga, kerana dengan \$150 sebulan itu jauh daripada mencukupi. Dengan sebab itu kadang-kadang kita dapati Pemaju-pemaju Masyarakat ini bekerja hanya sebagai batu loncatan sahaja, sementara

mereka hendak dapat kerja mereka bekerja-lah lebih kurang dengan KEMAS untuk mendapatkan \$150 sebulan, lepas 2 bulan, 3 bulan mereka dapat peluang, mereka pun melompat, terpaksa pula KEMAS ini melatih orang baru untuk mengajar kanak-kanak tadi, jadi sampai bilakah ada kesudahannya. Saya harap pihak Kementerian mengkaji semula tentang elaun atau imbuhan yang patut diberikan kepada Pemaju-pemaju Masyarakat ini. Kalau setakat hari ini \$150 saya percaya dengan keadaan yang ada sekarang, dengan inflasi yang masih ada sekarang ini jauh daripada mencukupi. Saya tidaklah bercadang untuk mencadangkan beberapa ratus patut diberi tetapi saya harap pihak Kementerian inilah untuk mengkaji berapakah imbuhan yang patut diberi kepada Pemaju-pemaju Masyarakat ini.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Aktiviti (6) (b) Parit dan Taliair yang mana peruntukan diminta di sini sebagai token \$10 tetapi saya percaya walaupun \$10 pihak Kementerian bolehlah menentukan nanti berapa yang secukupnya. Di sini saya mencadangkan oleh kerana masih lagi terdapat di setengah-setengah daerah, termasuklah kawasan pilihanraya saya sendiri di mana terdapat Pejabat JPT ini dia jugalah sebagai Pengarahnya, dia jugalah sebagai Engineer-nya dan dia jugalah sebagai TAny, dialah

yang mesti duduk mentadbir di pejabat dan dia juga terpaksa pergi ke bendang ataupun memeriksa parit dan taliair. Saya harap peruntukan ini lebih sedikit untuk membanyakkan pegawai-pegawai dan saya harap pihak Kementerian Pertanian ini meninjau dan mengkaji di mana daerah-daerah yang selalu terlibat dengan banjir, umpamanya daerah saya sendiri Kota Tinggi yang boleh dikatakan saban tahun dilanda oleh banjir. Kawasan-kawasan atau daerah-daerah yang seumpama ini hendaklah diletakkan seorang yang pakar atau engineer di Pejabat JPT. Jadi tidaklah seperti

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada banyak hendak bercakap lagi?

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Ya.

Tuan Pengerusi: Boleh sambung 10 minit sahaja lagi pada hari esok.

Datuk Haji Yusof bin Malim Kuning: Baiklah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 19hb November, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.